

BAB PERTAMA

SADD AL-DHARĀ'I DALAM PERUNDANGAN ISLAM

1.1. Pendahuluan.

Perbincangan tentang Sadd al-Dharā'i adalah sebahagian daripada bidang perbincangan ilmu Uṣūl Fiqh.

Dalam buku-buku yang menerangkan tentang Perundangan Islam, tujuan umum penggubalan undang-undang adalah mewujudkan kebaikan dan menolak kemudaratan terhadap manusia. Ianya dapat dicapai dengan melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan dengan sebaik-baiknya.

Pengetahuan yang benar tentang sebab-sebab tanggungjawab dan kewajipan merupakan penyokong utama bagi melaksanakannya, kerana sebab-sebab dikeluarkannya suatu tuntutan selalu mengikuti kedudukan hukum yang ada. Ertinya jika kedudukan hukum yang ada wajib, maka wajib pula hukum yang menjadi perantarnya.

Tidak ada bezanya dengan perintah-perintah syarī'at, larangan-larangannyapun mempunyai perantara yang membawa kepada perbuatan itu dilarang. Adalah tidak diterima oleh akal yang sihat apabila suatu perbuatan dilarang sedangkan perantarnya

dibenarkan. Oleh itu, perantara dari suatu larangan yang kuat mestilah mengikuti kedudukan hukum yang ada iaitu dilarang juga.(1)

Mengikut huraian ulama' Uṣūl Fiqh ada dua bahagian sumber Perundangan Islam:

Pertama : Sumber utama yang disepakati oleh para juris.

Kedua : Sumber tambahan yang tidak disepakati oleh mereka.

Sadd al-Dharā'i adalah di antara sumber tambahan Perundangan Islam yang tidak disepakati oleh para Juris Perundangan Islam

Untuk mengetahui dan memahami secara terperinci serta mendalam tentang Sadd al-Dharā'i ini, maka kajian dalam bab ini dibahagikan kepada beberapa perbahasan, iaitu:

1.2. Pengenalan dari segi bahasa.

1.2.1. Definasi Sadd.

Dalam kamus-kamus bahasa Arab erti kata Sadd tidak keluar daripada makna menutup, menghalang, menyumbat, mencegah, mengunci, menyekat, merintang atau gunung.(2) Pemakaian perkataan ini terdapat dalam beberapa ayat suci al-Qur'ān, iaitu:

1. Firman Allah s.w.t:

ثُمَّ إِذَا بَلَغَ بَيْنَ السَّيِّدَيْنِ رَجَدَ مِنْ دُونِهِمَا قَوْمًا
لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ قَوْلًا

Ertinya: "Sehingga apabila ia sampai di antara dua buah gunung (Armenia dan Ajirbaijan) didapatinya dekat keduanya satu kaum, hampir mereka tiada mengerti perkataan".(3)

2. Firman Allah s.w.t:

عَلَى أَنْ تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا

Ertinya: " .. supaya engkau perbuat dinding yang kokoh di antara Kami dengan mereka".(4)

3. Firman Allah s.w.t:

وَجَعَلْنَا مِثْلَ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا
فَأَغْشَيْنَاهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ

Ertinya: " Dan Kami adakan satu tutup di hadapan mereka dan satu tutup di belakangnya, lalu Kami tutup mata mereka, sehingga mereka tiada melihat (suatu apapun)".(5)

Selain itu perkataan ini juga ada dalam hadith- hadith Rasulullah saw:

1. Sabda Rasulullah s.a.w:

لَا يَسُدُّ جَوْفَ ابْنِ آدَمَ إِلَّا التُّرَابُ

Ertinya: "Tidak ada apapun yang dapat menutupi perut manusia kecuali tanah".(6)

2.Sabda Rasulullah s.a.w:

سَدُّوا الْأَبْوَابَ إِلَّا بَابَ أَبِي بَكْرٍ

Ertinya: "Maka tutuplah semua pintu (yang menghadap ke Masjid Nabawi) kecuali pintu Abu Bakar."(7)

3.Sabda Rasulullah s.a.w:

سَدُّوا عَنِّي كُلَّ حَوْكَةٍ فِي هَذَا الْمَسْجِدِ

Ertinya: "Tutup semua pintu khawkhah daripada saya yang terdapat dalam Masjid Nabawi ini".(8)

1.2.2.Definisi al- Dharā'i.

Dari segi bahasa perkataan al-Dharā'i adalah jama' dari perkataan al-Dharī'ah yang bermakna perantara atau jalan yang menyampaikan atau menuju ke arah sesuatu.(9)

1.3. Pengenalan dari segi istilah.

Para ulama' Uṣūl Fiqh membahagikan makna al-Dharī'ah dari segi istilah kepada dua makna. Pertama makna 'Am dan kedua makna Khas.

1.3.1. Makna 'Am.

Makna al-Dharī'ah secara 'am tidak jauh berbeza dengan makna dalam bahasa. Hal ini dapat difahami daripada perkataan al-Qarāfī: "...kita wajib menutup dhari'ah dan wajib pula membukanya. Dharī'ah tersebut dapat menjadi makruh, sunat dan harus kerana ia sebagai perantara. Segala yang membawa kepada wajib adalah wajib, seperti berjalan untuk melaksanakan solat Jum'at dan haji adalah wajib. Selanjutnya al-Qarāfī membahagikan hukum-hakam kepada dua bahagian, iaitu Maqāsid (tujuan) dan Wasāil (perantara). Oleh itu, hukum perantara adalah sama dengan hukum tujuan, sama ada ia haram atau halal walaupun peringkat hukumnya lebih ringan daripada hukum tujuan".(10)

Untuk memperjelas makna ini Ibnu Qayyim mengatakan: ".....jika Allah s.w.t mengharamkan sesuatu, maka segala perantaranya juga haram. Seandainya Allah s.w.t membenarkannya, bererti Dia menghalalkan yang haram. Ini tidak dapat diterima oleh fikiran yang sihat serta bercanggah dengan naluri manusia, juga tidak sesuai dengan sifat bijaksananya Allah s.w.t.(11)

Di sini jelaslah adanya Sadd al-Dharā'i dan Fath al-Dharā'i. Makna Sadd al-Dharā'i ialah menutup dan mencegah segala yang boleh membawa kepada keburukan, kerosakan dan kemungkaran. Dan makna Fath al-Dharā'i ialah membenarkan segala yang boleh membawa kepada kebaikan.

Jika diteliti Sadd al-Dharā'i dan Fath al-Dharā'i, maka dapat kita katagorikan ke dalam empat bahagian di bawah ini:

- a. Perubahan daripada yang dibenarkan kepada yang dibenarkan.
- b. Perubahan daripada yang dilarang kepada yang dibenarkan.
- c. Perubahan daripada yang dibenarkan kepada yang dilarang.
- d. Perubahan daripada yang dilarang kepada yang dilarang.(12)

Dalam membicarakan makna Dhari'ah secara 'am, banyak didapati keterangan para Juris yang dapat dijadikan panduan untuk memahami Sadd al-Dharā'i dalam Perundangan Islam.

Di antaranya adalah keterangan al-Syaikh Muhammad Abū Zahrah yang membahagikan Dharā'i kepada empat katagori:

Pertama: Sesuatu yang kadangkala hakikatnya adalah haram dan menjadi perantara timbulnya perkara haram lain yang lebih besar, maka hukumnya haram. Seperti memfitnah yang dapat membawa kepada pembunuhan, kerana hakikat memfitnah adalah haram dan juga perantara terjadinya dosa yang lebih besar iaitu pembunuhan.

Kedua: Sesuatu yang pada hakikatnya adalah harus atau dituntut tetapi dapat menjadi perantara kepada yang haram, maka pengharamannya bergantung kadar penyebabnya dan juga pada kadar tujuannya. Seperti menjual anggur kepada orang yang kerjanya membuat arak.

Ketiga: Sesuatu yang membawa kepada wujudnya yang dituntut, seperti kepastian untuk berkahwin adalah sebagai perantara menjaga diri daripada berzina. Dalam keadaan seperti ini menjaga diri adalah wajib, jika tidak berkahwin akan menyebabkan perzinaan.

Keempat: Perantara yang pada hakikatnya adalah dilarang, namun secara pasti dapat membawa kepada yang dituntut, kebenaran atau menegakkan keadilan.

Dalam keadaan ini apakah ia dapat menjadi suatu yang dituntut atau masih dalam keadaan haram, sebagaimana contoh kesaksian palsu untuk menentukan kebenaran yang telah diingkari oleh orang yang telah didakwa dalam suatu pembicaraan mahkamah.

Ibnu Taymiah menyatakan bahawa ia tidak dibenarkan oleh agama, kerana sangat diharamkan dan dicela di sisi Allah s.w.t kerana kedua orang tersebut memberi kesaksian dengan yang tidak diketahui.(13)

Di sini difahami bahawa makna Dhari'ah secara 'am tidak terbatas kepada yang dilarang sahaja. Dan hukumnya dapat menjadi makruh, sunat, harus, haram dan wajib bergantung kepada keadaan hukum maqāsid (tujuan) yang ditimbulkan oleh Dhari'ah yang ada.

1.3.2. Makna Khas (menurut Ulama' Uṣūl Fiqh).

Makna Khas bagi perkataan al-Dhari'ah di sisi para Juris ialah:

1. al-Syawkānī mengatakan: bahawa al-Dhari'ah adalah sesuatu yang pada zahirnya harus dan dapat membawa kepada yang dilarang.(14)
2. Imam al-Syātibī mendefinisikan al-Dhari'ah adalah suatu yang pada dasarnya baik sama ada perkataan atau perbuatan tetapi dapat membawa kepada kemusnahan dan kerosakan.(15)
3. Imam Ibnu Taymiyah mengatakan bahawa al-Dhari'ah adalah sesuatu yang menjadi perantara untuk mencapai yang dimaksud akan tetapi dalam kebiasaan para Juris ia menjadi istilah tentang sesuatu yang membawa kepada yang haram.(16)
4. Badran Abū al-Ain Badrān mendefinisikan perkataan al-Dhari'ah ialah sesuatu yang dapat membawa kepada yang dilarang dan mengandungi kebinasaan dan kerosakan.(17)

Definisi-definisi tersebut menjelaskan bahawa makna khas perkataan al-Dharī'ah selalu dikaitkan dengan yang diharamkan dan dapat membawa kepada kebinasaan dan kerosakan.

Makna al-Dharī'ah secara khas pada asalnya mestilah terdiri daripada sesuatu yang harus, dan sesuatu yang pada asalnya dilarang tidaklah termasuk dalam makna al-Dharī'ah secara khas.

1.3.3. Definisi Sadd al-Dharā'i.

Berdasarkan kepada makna khas tersebut dapatlah dikatakan bahawa definisi Sadd al-Dharā'i adalah menutup jalan yang menuju kepada perbuatan yang dilarang dan merosak.

Dalam kamus Istilah Agama diterangkan, Sadd al-Dharā'i adalah menyumbat atau menutup segala sesuatu yang menjadi sebab timbulnya kerosakan, iaitu melarang untuk mengerjakannya sungguhpun pada permulaannya halal, kerana jika terus dikerjakan akan mendatangkan kerosakan atau yang haram.(18)

Dr.Yusuf Qasim mengatakan: Sadd al-Dharā'i adalah menutup perantara-perantara yang diharamkan.(19) Dan maksud Fath al-Dharā'i menurut Dr.Wahbah al-Zuhaili adalah mempergunakan perantara-perantara yang dapat membawa kepada kebaikan.
(20)

1.4. Elemen-elemen Dhari'ah.

Berdasarkan makna Dhari'ah dalam pengertian bahasa dan istilah, maka Dhari'ah tersebut mempunyai tiga elemen utama yang disebut Rukun Dhari'ah. Ketiga elemen tersebut adalah al-Wasilah (Perantara), al-Ifda' (Penghubung antara perantara dengan tujuan) dan al-Mutawassal Ilaihi (Tujuan).

1.4.1. al-Wasilah (Perantara).

al-Wasilah bermaksud sesuatu yang menjadi jalan untuk sampai kepada tujuan(21). Hukumnya sama dengan hukum tujuan (al-Maqṣad) sama ada haram atau halal. Namun peringkatnya lebih rendah daripada hukum tujuan tersebut.(22) Secara menyeluruh al-Wasilah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu al-Wasilah (perantara) yang membawa kepada kebaikan-kebaikan dan yang membawa kepada kerosakan-kerosakan(23), namun di antaranya ada yang sudah dijelaskan melalui nas dan ada juga yang belum dijelaskan. Fungsinya sebagai penentu hukum bagi apa yang dilakukan oleh orang mukallaf.

Untuk mengetahuinya dapat dilihat daripada kebaikan atau kerosakan yang dibawa oleh perantara itu. Adakah sesuai dengan kehendak Allah swt dalam menetapkan hukum.

Perantara yang membawa kepada yang haram adalah haram, kepada yang makruh adalah makruh, kepada yang wajib adalah wajib, kepada yang disunatkan adalah sunat dan yang membawa kepada yang harus adalah harus. Maka dapatlah difahami bahawa kedudukan al-Dharā'i hanya sebagai yang membawa hukum bukan sebagai sumber hukum. (24)

1.4.2.al-Ifdā (Penghubung antara perantara dengan tujuan).

Elemen kedua adalah al-Ifdā iaitu yang menghubungkan antara al-Wasilah (perantara) dengan al-Mutawassal Ilaihi (tujuan).

Daripada al-Ifdā ini dapat difahami dua perkara :

Pertama: al-Ifdā merupakan sesuatu yang abstrak, ia dikatakan ada setelah terlaksana, sama ada secara pasti seperti pemerahan anggur untuk dibuat arak atau andaian sahaja.

al-Ifdā secara andaian sahaja dapat difahami daripada beberapa keadaan:

1. Yang benar-benar diniatkan sebagai perantara wujudnya tujuan. Seperti orang yang menggali perigi di belakang pintu rumah dengan tujuan agar semua orang yang masuk melalui pintu itu terjatuh ke dalamnya.
2. Yang tidak diniatkan sebagai perantara wujudnya tujuan, namun pada kebiasaannya adalah perantara wujudnya tujuan. Seperti seorang yang membeli dua barang dengan harga RM 500 secara ansuran dalam jangka satu bulan kemudian ia jual salah satunya dengan harga RM 250 secara tunai. Hal ini dianggap sebagai penggabungan antara jual beli dengan pinjam-meminjam dalam satu masa, walaupun ia tidak bermaksud melakukannya.

3. Yang tidak diniatkan sebagai perantara wujudnya tujuan, tetapi boleh menjadi perantara kepada tujuan, sama ada secara pasti atau tidak. Seperti mencaci-maki terhadap tuhan-tuhan orang kafir, kerana ia boleh menjadi perantara bagi mereka untuk mencela Allah swt dan agama-Nya serta Nabi Muhammad saw. Oleh itu, orang Islam dilarang melakukannya.

Perbezaan antara yang ketiga ini dengan yang kedua adalah: Dalam yang kedua, perkara tersebut kebiasaannya sebagai perantara wujudnya tujuan, sebagaimana nampak pada contoh di atas, iaitu keuntungan yang bertambah. Kalau pada permulaannya sudah diniatkan untuk mendapatkan keuntungan, maka haram menurut ijma' ulama'. Lain halnya dengan contoh ketiga kadangkala kerana rasa takut dan kelemahan yang ada pada orang kafir, mereka tidak membalas dengan melakukan hal yang sama terhadap orang Islam.

Maka pencegahan terhadap dhari'ah tidak disyaratkan wujudnya akibat yang ditimbulkan itu berlaku, dan tidak disyaratkan juga ia merupakan perantara kepada akibat tersebut.

4. Yang benar-benar tidak diniatkan sebagai perantara wujudnya tujuan, tetapi boleh menjadi perantara bagi yang lainnya terhadap tujuan tersebut. Seperti seorang yang menggali perigi untuk memberikan minuman kepada orang yang lalu di tengah jalan atau menaburkan racun pada makanan mereka dengan maksud yang harus. Walaupun kedua tujuan ini dibolehkan, tetapi pada contoh yang pertama, orang

yang lalu di tengah jalan boleh terjatuh ke dalam perigi, dan yang kedua, orang yang memakan makanan akan terdedah memakan racun yang ditaburkan. Kedua perkara ini adalah perantara yang menyebabkan matinya orang yang tidak berdosa, oleh itu, dilarang.

Kedua: al-Ifdā' tersebut mestilah mencapai satu batasan tertentu agar dapat menjadi suatu kekuatan yang boleh dijadikan dasar pencegahan. Ini dapat dilihat daripada banyaknya bilangan yang membawa kepada pencegahan atau adanya bahaya yang timbul. Oleh itu, tidak semua perantara yang dapat menimbulkan sesuatu tujuan mesti menyebabkan perkara tersebut dilarang. (25)

Maka al-Ifdā' merupakan suatu yang abstrak, ianya dapat dikatakan ada setelah terlaksana, sama ada secara pasti atau andaian sahaja. Selanjutnya al-Ifdā' mestilah mempunyai satu batasan tertentu agar dapat dijadikan sesuatu kekuatan dalam membuat dasar hukum larangan.

1.4.3. al-Mutawassal Ilaihi (maksud dan tujuan).

Definasi Sadd al-Dharā'i dalam pengertian istilah, sama ada secara 'am atau khas, memberi pengertian bahawa perkataan al-Mutawassal Ilaihi bermaksud sesuatu yang dilarang dan juga dapat diistilahkan dengan al-Mutadharra' Ilaihi.

Definasi-definasi para Juris tentang Sadd al-Dharā'i menyatakan bahawa dalam makna 'am al-Mutawassal Ilaihi boleh berbentuk sesuatu yang harus, sunat, makruh, wajib dan haram. Lain halnya dengan makna khas, hanya dapat diertikan dengan yang haram atau dilarang sahaja. Begitu juga segala yang dilarang atau al-Mutawassal Ilaihi ini mestilah berbentuk sesuatu yang tidak mustahil untuk dilakukan. (26)

Oleh itu, segala yang pada dasarnya adalah harus walaupun kadangkala dapat membawa kepada kerosakan yang dilarang akan tetapi kebaikannya lebih nyata dan jelas, seperti melihat kepada tunang dan mengatakan yang hak kepada pemimpin yang zalim, tidaklah termasuk ke dalam al-Mutawassal Ilaihi kerana ianya adalah harus atau disunatkan bahkan boleh menjadi wajib bergantung kepada ukuran kebaikan yang terdapat di dalamnya. (27)

Jika kedudukan al-Mutawassal Ilaihi adalah sebagai salah satu elemen yang penting, maka ia berfungsi sebagai dasar untuk menentukan ukuran al-Ifdā' (penghubung antara perantara dengan tujuan) apakah ia merupakan dasar yang kuat atau lemah dalam menentukan larangan. Para Juris sangat hati-hati sekali dan benar-benar mempraktikkan

Sadd al-Dharā'i dalam segala yang dapat membawa kepada kerosakan aqidah dan agama.(28)

1.5. Beberapa perbezaan antara Sadd al-Dharā'i dengan kaedah-kaedah lain.

Ada beberapa kaedah yang kalau tidak diteliti hampir sama dengan Sadd al-Dharā'i, iaitu al-Istislāh, al-Hiyal, al-Muqaddimah, Tahrīm al-Wasāil dan al-Sabab.

1.5.1. Perbezaan antara Sadd al-Dharā'i dengan al-Istislāh.

Menurut Ulama' Uṣūl Fiqh, al-Istislāh adalah menentukan hukum sesuatu yang tiada nas dan ijma' padanya berdasarkan penelitian kebaikan semata-mata.(29)

Kebaikan (Maslahah) tersebut dibahagikan kepada dua bahagian:

1. Masalahah Mu'tabarah ertinya kebaikan yang memang diakui oleh Islam. Misalnya demi melindungi keselamatan masyarakat, Islam menetapkan hukum qisas termasuk hukuman mati bagi sipembunuh dengan sengaja. Demi melindungi harta masyarakat, Islam menetapkan hukuman had (potong tangan) bagi pencuri yang profesional. Dan demi menjaga kehormatan, Islam menghukum orang yang qazaf (menuduh melakukan perbuatan zina kepada orang-orang baik) dan menghukum orang yang berbuat zina. Maka pembunuhan dengan sengaja, pencurian, qazaf dan perzinaan adalah perkara-perkara yang relevan untuk dijadikan dasar hukum syarak,

iaitu hukuman qisas atau hukuman had. Masalah Mu'tabarah ini telah disepakati oleh para Juris untuk dijadikan dasar hukum syarak atau dengan kata lain sebagai Illat hukum.

2. Masalah Mursalah iaitu kebaikan yang diakui adanya kerana timbul peristiwa-peristiwa baru setelah Rasulullah s.a.w wafat. Misalnya perkahwinan anak-anak di bawah umur tidak dilarang agama dan sah jika dilakukan oleh walinya yang berwenang. Namun ternyata data-data statistik menunjukkan bahawa perkahwinan anak-anak banyak membawa perceraian kerana mereka belum bersedia fizikal dan mentalnya untuk menghadapi tugas-tugas sebagai suami isteri, apalagi sebagai bapa dan ibu dalam rumah tangga. Dan perceraian tidak sesuai dengan tujuan perkahwinan, maka atas dasar kebaikan-kebaikan ini kerajaan atau pemerintah dibenarkan melarang perkahwinan anak-anak dan membuat peraturan tentang batas umur bagi calon-calon suami isteri. (30)

Untuk menghindari penggunaan kaedah al-Istislāh ini daripada pembentukan syariat berdasarkan nafsu dan keinginan tertentu, ditetapkan syarat-syarat Masalah Mursalah yang dipakai sebagai dasar pembentukan hukum.

Syarat-syarat tersebut adalah:

- a. Ia mesti benar-benar merupakan kebaikan atau bukan yang bersifat andaian.

- b. Kebaikan itu sifatnya umum bukan bersifat khusus. Maksudnya ialah bahawa dalam kaitannya dengan pembentukan hukum terhadap sesuatu kejadian atau masalah dapat melahirkan kemanfaatan bagi masyarakat.
- c. Pembentukan hukum dengan mengambil kebaikan ini tidak bercanggah dengan tata-hukum atau dasar ketetapan nas atau *ijmā'*. (31)

Maka kaedah *al-Istislāh* atau *al-Maṣālih al-Mursalah* menerangkan bahawa yang dimaksud dengan kebaikan tersebut adalah yang tidak ada dalil khas yang dijadikan sebagai pertimbangan untuk dijadikan sumber hukum. Namun secara keseluruhan terdapat nas-nas syari'at dari *al-Qur'ān*, *hadith* dan *ijma'* yang menunjukkan ianya boleh dijadikan sumber hukum. Di antaranya adalah "mendatangkan manfaat menolak bahaya".

Maksud *Sadd al-Dharā'i* adalah menutup pintu-pintu yang boleh membawa kepada kerosakan. Perkara tersebut ditutup bukan kerana adanya dalil yang khas namun hanya dalil-dalil nas yang menyeluruh sahaja yang dijadikan sebagai dasar. (32) Oleh itu, *Sadd al-Dharā'i* merupakan salah satu di antara pelaksanaan *al-Istislāh* atau *Maṣālih al-Mursalah*.

1.5.2. Perbezaan antara Sadd al-Dharā'i dengan al-Hiyal.

al-Hiyal adalah perkataan jama' dari perkataan al-Hilah. Dalam pengertian bahasa al-Hilah bererti mengalihkan.(33)

Para Juris menggunakan perkataan tersebut untuk suatu helah yang digunakan untuk menghindari wajib syari'at. Ertinya dengan tindakan sebagaimana dikerjakan oleh seseorang mukallaf yang akan terkena kewajiban syari'at menjadi gugurlah kewajiban tersebut kerananya. Misalnya menghibahkan harta benda menjelang tahun zakat kepada orang yang diyakini akan mengembalikannya setelah tahun zakat berlalu. Tindakan seperti ini dilakukan untuk menghindarkan kewajiban zakat. Sebab menurut kenyataannya pada akhir tahun perhitungan zakat harta benda kurang daripada satu nisab, kerana sudah dihibahkan kepada seseorang. (34)

Secara keseluruhan Helah tersebut dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu:

1. Helah Syar'iiyah yang dibenarkan, iaitu helah untuk merubah suatu cara tertentu yang disyariatkan dengan cara menggunakannya dalam keadaan lain untuk mencapai kepada kebenaran atau menghindarkan kezaliman serta mempermudah sesuatu kesusahan yang disebabkan adanya keperluan. Helah ini tidak merosakkan maslahat agama.

Oleh itu, syarak membenarkannya kerana tujuannya adalah bukan untuk membatalkan kebenaran tetapi merupakan suatu jalan keluar secara hukum daripada kesusahan dan juga bukan pembatalan hukum-hakam syarak atau penzaliman terhadap harta dan jiwa seseorang. Seperti seorang suami yang bersumpah untuk bersetubuh dengan isterinya pada siang hari Ramadan, maka Imam Abu Hanifah memfatwakan agar bermusafir dengan isterinya kemudian dibolehkan untuk tidak berpuasa lalu pada saat itu ia mensetubuhi isterinya.

2. Helah Syar'iyah yang tidak dibenarkan, iaitu helah yang dimaksudkan untuk merubah hukum-hakam syarak yang sudah tetap kepada hukum-hakam lain yang pada lahirnya adalah benar namun pada hakikatnya adalah kerosakan. Seperti helah untuk menggugurkan syuf'ah (hak membeli lebih dahulu), helah untuk mengkhususkan sebahagian harta pesaka dengan cara wasiat dan helah untuk menggugurkan hukum had pencuri.(35)

Berdasarkan definasi Sadd al-Dharā'i difahami bahawa Sadd al-Dharā'i adalah menutup jalan yang dapat membawa kepada kerosakan-kerosakan dan keluar daripada hukum-hakam syarak sedangkan helah atau al-hiyal adalah membuka jalan dalam keadaan tertentu untuk sesuatu tujuan tertentu.

1.5.3. Perbezaan antara al-Dhari'ah dengan al-Muqaddimah.

Pengertian al-Muqaddimah dalam istilah adalah sesuatu yang menentukan wujudnya kewajipan. Seperti wudu adalah muqaddimah bagi wujudnya solat. Oleh itu, tanpa wudu solat tidak boleh dilakukan. (36)

Berdasarkan pengertian dan contoh tersebut jelaslah perbezaan antara al-Dhari'ah dengan al-Muqaddimah, kerana al-Dhari'ah dapat membawa kepada tujuan. Seperti bermusafir untuk melakukan maksiat (seperti untuk berzina) merupakan muqaddimah kerana maksiat dalam masalah ini ditentukan oleh perjalanan. Dalam hal ini perjalanan hukumnya haram seperti haramnya maksiat tersebut, walaupun ia bukanlah dhari'ah, kerana perjalanan ini bukanlah yang membawa kepada maksiat melainkan muqaddimah bagi wujudnya maksiat. Namun zina yang boleh membawa bercampurnya keturunan adalah muqaddimah dan juga sebagai dhari'ah, kerana zina boleh membawa kepada bercampurnya keturunan merupakan dhari'ah dan wujudnya percampuran keturunan ditentukan oleh zina merupakan muqaddimah. (37)

Untuk lebih jelasnya marilah kitateliti firman Allah s.w.t:

وَلَا يَضُرُّنَّ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيَعْلَمَ مَا خَفَيْنَ مِنْ أَرْسَاتِهِنَّ

Ertinya: *"Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang disembunyikan".* (38)

Ayat ini menjelaskan tentang dhari'ah yang dilakukan oleh perempuan yang disebutkan, kerana dapat membawa kepada fitnah dan kerosakan yang mesti dihindari,

begitu juga firman Allah s.w.t:

“وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا
بِفَخْرٍ عِلْمٍ”

Ertinya: “Dan janganlah kamu memaki sembahsan-sembahsan yang mereka sembah selain Allah, kerana nanti mereka akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan”.(39)

Ayat ini juga menjelaskan tentang dhari'ah bukannya muqaddimah, kerana perbuatan orang kafir memaki Allah s.w.t tidak ditentukan oleh perbuatan orang mukmin yang menghina dan mencaci tuhan-tuhan mereka, namun perbuatan orang mukmin tersebut boleh membawa kepada cacian orang kafir terhadap Allah s.w.t.

Maka berdasarkan keterangan dan contoh-contoh di atas difahami bahawa antara al-dhari'ah dengan al-muqaddimah terdapat hubungan yang bersifat umum dan khusus, kerana keduanya dapat bergabung dalam sesuatu keadaan dan dapat pula berpisah dalam keadaan yang lain.

1.5.4. Perbezaan antara Sadd al-Dharā'i dengan Tahrīm al-Wasāil.

Kalau kembali kepada pengertian al-Dharī'ah dari segi istilah dalam makna khas, al-Dharī'ah tersebut memberi pengertian kepada segala yang diharamkan. Begitu juga pengertian al-Dharī'ah dari segi bahasa, ia bererti perantara yang membawa kepada sesuatu.(40)

Oleh itu, makna Sadd al-Dharā'i adalah Tahrīm al-Wasāil atau pengharaman sesuatu yang boleh membawa kepada kerosakan. Maka, berdasarkan pengertian ini tidak ada perbezaan antara Sadd al-Dharā'i dengan Tahrīm al-Wasāil.

Al-Ustaz Muhammad Hishām al-Burhānī mengatakan: Ulama Sāfi'iyah membezakan antara Sadd al-Dharā'i dengan Tahrīm al-Wasāil, kerana Tahrīm al-Wasāil memberi pengertian kepada tercapainya tujuan pengharaman sesuatu secara pasti, seperti memasukkan seseorang ke dalam penjara tanpa diberi makan dan minum. Hal ini boleh membunuh orang yang dipenjarakan itu. Dan dalam contoh tersebut menerangkan Tahrīm al-Wasāil bukan Sadd al-Dharā'i.(41)

Maka terdapat perbezaan antara Sadd al-Dharā'i dengan Tahrīm al-Wasāil, iaitu tercapainya tujuan pengharaman yang dilarang secara pasti dalam Tahrīm al-Wasāil dan tidak secara pasti dalam Sadd al-Dharā'i, sebagai contoh: kadangkala perbuatan orang mukmin mencaci tuhan-tuhan orang kafir tidak membawa mereka untuk mencaci

kembali ke atas Allah swt dan agama Islam disebabkan rasa takut dan khawatir mereka akan timbulnya yang lebih buruk ke atas diri dan nyawa mereka.

1.5.5. Perbezaan antara al-Dhari'ah dengan al-Sabab.

Al-Sabab dalam bahasa mempunyai erti tali atau segala sesuatu yang digunakan untuk mencapai kepada sesuatu yang lain.(42) Pengertian ini berdasarkan kepada firman Allah s.w.t:

“وَأَتَيْنَاهُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ سَبَبًا”

Ertinya:”Dan Kami telah memberi kepadanya jalan untuk mencapai segala sesuatu.(43)

Dan firman Allah s.w.t:

“فَاتَّبَعَ سَبَبًا”

Ertinya:”Maka diapun menempuh suatu jalan.(44)

Dan pengertian al-Sabab menurut ulama' Uṣūl Fiqh adalah:

- a. al-Sabab adalah sesuatu makna yang zahir dan tepat yang dijadikan oleh Allah s.w.t sebagai tanda bagi wujudnya suatu hukum.(45)

b. al-Sabab adalah sesuatu yang dijadikan oleh Allah s.w.t sebagai tanda bagi wujudnya suatu hukum. Adanya sebab menentukan adanya hukum dan tidak adanya sebab menentukan tiadanya hukum. Begitu juga adanya sebab bererti adanya musabbab dan tiadanya sebab tiada juga musabbab.(46)

Daripada pengertian tersebut maka ia boleh dibahagikan kepada dua bahagian:(47)

1. Sebab bagi hukum syar'i yang bersifat keakhiratan. Seperti condongnya matahari adalah sebagai sebab wajibnya solat Zuhur, sebagaimana firman Allah s.w.t:

”أَقِمِ الصَّلَاةَ لِذُلُولِ الشَّمْسِ”

Ertinya:”Dirikanlah solat dari sesudah matahari tergelincir”.(48)

2. Sebab bagi hukum syar'i yang bersifat keduniaan atau mua'malat.

Seperti akad jual-beli sebagai sebab berpindahnya pemilikan benda yang dijual kepada orang yang membeli.

Di sini jelaslah ada perbezaan antara al-Sabab dengan al-Dhari'ah. Oleh itu, jika sesuatu boleh membawa kepada kerosakan secara tidak pasti seperti meminum arak yang boleh memabukkan dan perzinaan yang boleh membawa kepada bercampurnya air mani atau pada dasarnya ia adalah kerosakan seperti membunuh dan berbuat zalim. Maka ianya diharamkan sebab kewujudannya menentukan wujudnya perkara lain yang dilarang.

Namun jika secara pasti boleh menimbulkan kerosakan seperti menjual senjata kepada orang yang sedang berperang dalam keadaan berkecamuknya peperangan, mencaci tuhan-tuhan orang kafir jika diyakini boleh membawa mereka mencaci Allah s.w.t dan agama Islam dan melihat kepada perempuan yang bukan mahram. Ini bukanlah sebab namun ia adalah zari'ah(49) kerana pada asalnya adalah harus kemudian kerana boleh membawa kepada kerosakan maka dilarang.

1.6. Cara menentukan Sadd al-Dhara'i.

Para ulama' telah memberikan dua cara yang boleh dijadikan sebagai dasar dalam menentukan Sadd al-Dhara'i, iaitu:

Pertama: Melihat kepada motif yang mendorong seseorang mengerjakan sesuatu, apakah bermaksud yang halal ataukah yang haram.

Kedua : Melihat kepada akibat-akibat dan kesan-kesan yang ditimbulkan.

Suatu akad yang belum pasti dimaksudkan kepada yang haram, namun jika dimaksudkan melepaskan diri daripada riba, maka dalam hal ini dilihat kepada motifnya. Apakah dia mendapatkan pahala atau dosa dari Allah s.w.t. Ini dapat dilihat kepada kadar dan ukuran yang berpatutan dengan motif yang ada.

Jika dilihat kepada akibat-akibat atau kesan-kesan yang ditimbulkan tanpa melihat kepada motif-motifnya, maka jika menghasilkan kebaikan, iaitu dalam hubungan kepentingan sesama manusia, maka dituntut untuk dikerjakan sesuai dengan kadar yang diperlukan. Dan jika menghasilkan kerosakan, maka diharamkan serta dilarang sesuai dengan kadar yang munasabah dengan maksud mengharamkannya.

Dari keterangan ini, yang menjadi dasar dalam penentuannya adalah hasil yang ditimbulkan bukan maksud atau motif pekerjaan itu.

Menurut cara kedua hasil pekerjaan itu yang diperhatikan. Jika niat seseorang melakukan sesuatu adalah baik, namun mesti dilarang jika hasilnya tidak baik dan membawa kepada kerosakan.

Maka dapatlah difahami bahawa dalam menentukan sesuatu itu baik mestilah dilihat kepada niat atau motif dan natijah atau hasilnya.

Kadangkala seseorang berbuat sesuatu yang harus dengan maksud tidak baik, kerana maksud tersebut dia mendapat dosa. Namun demikian tidak ada jalan untuk menghalangnya dan membatalkannya, seperti seseorang menjual sesuatu dengan harga yang sangat murah untuk menimbulkan kerugian bagi peniaga lain. Tindakan yang seperti ini boleh mendatangkan manfaat bagi orang ramai dan kerugian bagi peniaga lain. Oleh itu, dasar Sadd al-Dhara'i ini bukan hanya dilihat kepada motif-motif sahaja, juga mesti dilihat kepada kebaikan yang ditimbulkan untuk orang ramai.

Kalau ditinjau dari segi ketetapan hukum mu'āmalat, maka niat atau motif seseorang tidak menjadi dasar bagi menetapkan sesuatu boleh dikerjakan atau tidak, yang menjadi dasar hanyalah hasilnya. Jika mendatangkan kebaikan bagi umum dan masyarakat wajiblah dikerjakan, jika kerosakan wajiblah dilarang.

Berdasarkan keterangan ini, maka yang dikehendaki dengan kebaikan disini ialah manfaat umum dan masyarakat dan kerosakan ialah timbulnya kerosakan dan kemudaran terhadap sejumlah besar manusia.

Sesuatu yang harus bagi seseorang jika mendatangkan kerugian dan kerosakan ke atas masyarakat atau menghalangi manfaat mereka mestilah dicegah melalui prinsip al-Dharā'i. Seperti menyuruk barang-barang dan lain-lain yang diperlukan oleh manusia adalah haram dengan nas Nabi sendiri.

Kerajaan atau pemerintah dibenarkan mengenakan tindakan terhadap orang yang menyuruk barang dan memaksa para peniaga menjual dengan harga yang berpatutan di waktu masyarakat memerlukan barang tersebut.

Orang yang sedang kelaparan boleh mengambil barang sipeniaga dan membayar dengan harga yang berpatutan. Dan jika sipeniaga tidak mahu menjual dengan harga berpatutan maka boleh diambil dan dibayar dengan harga yang berpatutan sahaja.

Berdasarkan kepada kaedah ini, Imam Ahmad memfatwakan bahawa seseorang yang sangat memerlukan makanan orang lain sedangkan pemiliknya tidak mahu memberinya lalu kerananya orang yang memerlukan makanan itu meninggal, maka wajiblah membayar diyat ke atas yang mempunyai makanan itu, walaupun ia tidak membunuhnya. Namun keenggananannya itu merupakan perantara kematiannya. (50)

1.7. Kaedah Fiqhiyah yang mempunyai kaitan dengan Sadd al-Dharā'i.

Definasi kaedah Fiqhiyah dari segi istilah adalah: dasar-dasar fiqh yang bersifat menyeluruh, yang merupakan perkataan yang jelas serta ringkas dan boleh dipraktikkan ke atas hukum-hukum syarak yang menjadi ranting kepadanya. (51)

Di antara kaedah-kaedah Fiqhiyah yang mempunyai kaitan yang kuat tersebut adalah:

Kaedah Pertama:

مَالَاتِ الْأَفْعَالِ مَقْصُودَةٌ وَمُعْتَبَرَةٌ

Ertinya: "Ukuran sesuatu perbuatan bergantung kepada tujuan dan matlamat".

Maksud daripada kaedah ini adalah: Segala sesuatu yang menjadi hasrat dalam perbuatan manusia merupakan tujuan dan dianggap oleh syarak dalam menentukan hukum sama ada halal atau haram. Oleh itu, halal atau haram sesuatu perbuatan hanya boleh diketahui setelah melihat kepada apa yang ditimbulkan sama ada menjadi tujuan atau tidak.

Kadang-kadang sesuatu perbuatan yang disyariatkan oleh Allah s.w.t untuk tujuan yang tertentu kemudian dilakukan dengan tujuan yang tidak sama dengan asalnya, maka hukumnya bergantung kepada yang ditimbulkan.(52) Seperti tidak ditegakkannya hukum hudud dalam peperangan kerana kadang-kadang boleh membawa kepada kerosakan yang lebih besar, iaitu murtadnya orang yang dikenakan hukum tersebut.(53)

Sesuatu yang pada asalnya adalah harus namun diniatkan untuk yang dilarang oleh Allah s.w.t seperti menikahi seorang perempuan dengan niat membalas dendam dengan menyiksanya setelah menikahinya adalah dilarang dan diharamkan.(54)

Di sini jelaslah bahawa kaedah ini merupakan salah satu dasar dalam menentukan Sadd al-Dharā'i, iaitu setelah melihat kepada akibat atau kesan yang ditimbulkan.

Kaedah Kedua:

“مَا لَا يَتِمُّ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ”

Ertinya: "Sesuatu yang menjadikan kewajipan sempurna kerananya adalah wajib adanya".(55)

al-Ustaz Ali Hasaballah mengatakan: Wajibnya sesuatu kewajipan ditentukan oleh adanya beberapa sebab dan syarat. Sebab-sebab yang menjadi tempat ketergantungan musabbab itu kadang-kadang berupa sebab 'ādī (menurut adat kebiasaan) seperti penguasaan suatu ilmu pengetahuan biasanya disebabkan oleh ketekunan belajar, penelitian dan penyampaian yang mendalam.

Dan kadang-kadang berupa sebab syar'ī seperti pernyataan ijab yang berwafak dan pernyataan qabūl dari yang diberi wakaf adalah sebab berpindahnya harta kepada yang menerima wakaf.

Syarat-syarat yang menjadi tempat bergantungnya masyrūt (musabbab) adalah syarat aqlī, syarat 'ādī dan syarat syar'ī. Misalnya berbuat jujur, menurut akal tidak akan dicapai jika tidak menjauhi sifat dusta. Membasuh muka menurut adat kebiasaan tidak akan sempurna sekiranya tidak membasuh beberapa bahagian kepala dan solat tidak sah tanpa dipenuhi syarat syar'ī iaitu berwudu.

Kaedah “

“ مَا لَا يَتِمُّ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ ”

tidak berlaku pada sebab syar'i kerana ia memerlukan kepada dalil yang lain, sedangkan sebab dan syarat 'ādī dan aqlī adalah kerana mengikuti dalil yang menyebabkan musabbab dan masyrūt. (56)

Ofeh itu, segala perantara yang boleh membawa kepada yang dilarang wajib ditinggalkan kerana ianya tidak akan sempurna kecuali dengan meninggalkan atau menutup perantara tersebut. Dan ini merupakan salah satu pemakaian Sadd al-Dharā'i.

Kaedah Ketiga:

ذَرِّءُ الْمَفَاسِدِ مَقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ

Ertinya: "Mencegah kerosakan lebih diutamakan daripada mencari masalah (kebaikan)".

Jika didapati peertembungan antara kerosakan dengan kebaikan, maka pencegahan terhadap kerosakan didahulukan kerana perhatian syarak terhadap pencegahan yang dilarang lebih diutamakan daripada perhatiannya terhadap yang diperintahkan. (57)

Di antara contoh kaedah ini adalah:

1. Wajib menjauhkan diri daripada wang atau harta yang bercampur antara yang halal dengan yang haram.
2. Batalnya nikah dengan khunsa musykil kerana mencegah daripada pernikahan antara perempuan dengan perempuan atau laki-laki dengan laki-laki.

3. Wajib menjauhi pakaian yang tidak jelas antara suci yang bercampur najis.(58)

Sebagaimana Sadd al-Dharā'i mencegah segala yang membawa kepada kerosakan, kaedah ini juga mengutamakan pencegahan kerosakan ke atas mencari kebaikan. Oleh itu, jelaslah kaitan antara Sadd al-Dharā'i dengan kaedah ini.

Kaedah Keempat:

الرَّخَصَ لَا تَنَاطُ بِالْعَاصِي

Ertinya: "Kemudahan tidak dihubungkan dengan maksiat".(59)

Kaedah ini termasuk dalam perbahasan kaedah Sadd al-Dharā'i kerana jika didapati sebab-sebab kemudahan tersebut boleh membawa kepada yang haram, maka ia wajib ditutup dan dicegah.(60)

Maka seorang musafir yang bertujuan melakukan maksiat tidak dibenarkan baginya mengqasar dan menjamak solat, berbuka puasa, menyapu khuf, meninggalkan solat Jum'at dan lain-lain perkara yang dibolehkan kerana bermusafir(61), kerana kalau dibolehkan bererti memberi bantuan terhadap terlaksananya maksiat.(62)

Kaedah Kelima:

الْعَبْرَةُ فِي الْعُقُودِ بِالْمَقَاصِدِ وَالْمَعَانِي لَا بِالْأَلْفَافِ وَالْمَبَانِي

Ertinya: "Perkara yang dianggap dalam akad-akad berdasarkan dengan maksud dan niat, bukan dengan lafaz dan perkataan".

Maksud kaedah ini adalah halal, haram, sah dan batalnya segala akad ditentukan oleh maksud dan niat bukan hanya dengan lafaz sahaja. Berpegang dengan zahir perkataan sahaja tidaklah sah kalau sudah diketahui niat dan maksud yang ada bercanggah dengan zahir lafaz atau perkataan itu. (63)

Di antara masalah masalah yang termasuk dalam kaedah ini adalah:

1. Nikah muhallil iaitu nikahnya seorang lelaki dengan perempuan yang diceraikan talak tiga oleh suaminya yang pertama dengan tujuan agar suaminya yang pertama dapat menikahinya semula.

Barangsiapa yang berpedoman dengan tujuan yang zahir, maka ia tidak mencegah pernikahan ini bahkan membolehkannya dengan syarat tidak didapati sesuatu yang menunjukkan wajib berlakunya niat muhallil dalam akad.

Dan barangsiapa yang berpedoman dengan niat yang batin atau tersembunyi maka nikah ini tidak sah dan wajib dicegah.

2. Jual-beli 'Inah iaitu akad yang diniatkan dengannya peminjaman yang mengandungi riba yang dilarang.
3. Menjual anggur kepada orang yang biasanya membuat arak.
4. Menjual senjata kepada orang yang berperang ketika berkecamuknya peperangan. (64)

Maka jelaslah bahawa segala perantara yang boleh membawa kepada kerosakan walaupun hanya berupa niat yang dilarang wajib dicegah, kerana akan menimbulkan perkara negatif. Dan ini merupakan pelaksanaan Sadd al-Dhara'i.

Kaedah Keenam:

“مَا حَرَّمَ أَخْذَهُ حَرَّمَ إِعْطَاؤَهُ”

Ertinya: "Perkara yang diharamkan mengambilnya diharamkan memberinya". (65)

Maksud kaedah ini adalah segala sesuatu yang diharamkan adalah haram untuk diambil dan dimanfaatkan atau diberikan kepada orang lain, sama ada secara percuma atau dengan imbalan, kerana bererti mengajak, menolong dan menggalakkannya untuk berbuat yang haram. (66)

Firman Allah s.w.t:

“وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ”

Ertinya: "Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran".(67)

Di antara contoh masalah yang termasuk kaedah ini adalah:

1. Haram memberi rasuah kerana rasuah sendiri adalah haram.
2. Upahan orang yang menilik nasib haram diberikan kepada orang lain, kerana menilik nasib itu satu di antara dosa yang besar dalam Islam.(68)

Dari keterangan tersebut jelaslah bahawa segala yang haram adalah dilarang untuk diambil, dimanfaatkan atau diberikan kepada orang lain termasuk juga yang diharamkan berdasarkan Sadd al-Dharā'i.

Kaedah Ketujuh:

مَا حُرِّمَ اسْتِحْمالُهُ حُرِّمَ اخْتِادُهُ

Ertinya: "Perkara yang haram menggunakan, haram mengambilnya".(69)

Maksud kaedah ini adalah bahawa segala sesuatu yang diharamkan syarak tidak boleh bagi kita untuk memilikinya.(70)

Kaedah ini sangat banyak berlaku dalam kehidupan sehari-hari terutama sekali dalam bidang mu'amalat. Sesuai dengan kaedah ini diharamkan mengambil atau menyimpan alat-alat muzik yang diharamkan syarak dan haram juga membuat atau menyimpan perhiasan yang berupa alat-alat makan-minum yang diperbuat daripada emas atau perak seperti sudu, garpu, cawan, pinggan dan mangkuk. Dan selaras dengan kaedah ini diharamkan ke atas orang Islam menyimpan arak atau benda-benda yang diharamkan syarak.(71)

Di antara illat pengharaman alat-alat makan tersebut adalah supaya golongan yang tidak mampu tidak merasa sakit hati terhadap saudara-saudaranya yang kaya, andaikata dibenarkan golongan yang kaya mengguna dan menyimpannya. Dan lagi Allah s.w.t menjadikan emas dan perak sebagai mata wang untuk dinikmati bersama oleh semua golongan.(72)

Segala yang diharamkan berdasarkan Sadd al-Dharā'i termasuk dalam kaedah ini, kerana segala yang diharamkan menurut Sadd al-Dharā'i adalah masuk dalam perkara yang diharamkan syarak.

Kaedah Kelapan:

“مَنْ اسْتَعْجَلَ شَيْئًا قَبْلَ أَوَائِهِ عَاقِبَتُهُ حَرَمَانُهُ”

Ertinya: "Barangsiapa yang bertindak cepat terhadap sesuatu perkara sebelum masanya dibalas dengan sebalikinya".(73)

Kaedah ini adalah di antara kaedah-kaedah fiqh Islam yang banyak didasarkan ke atas hukum-hakam ranting. Sebagaimana dimaklumi bahawa hukum-hakam syarak terikat dengan masa atau keadaan tertentu untuk mengawal kebaikan manusia atau menghindarkan keburukan daripadanya. Maka tiap-tiap mukallaf yang hendak bertindak hendaklah menurut ketentuan agama.

Di antara contoh masalah yang berdasarkan kaedah ini adalah:

1. Orang yang membunuh pewarisnya untuk cepat mendapat pesaka diharamkan daripadanya menerima pesaka.
2. Isteri yang dicerai bain (talak tiga) oleh suaminya di dalam masa suaminya sakit yang membawa maut boleh mendapatkan pesaka dari harta suaminya itu. (74)

Dari keterangan ini nyatalah bahawa kaedah ini termasuk di dalam bab polisi syarak untuk mencegah daripada sebarang tindakan yang buruk dan menutup pintu kerosakan (75) atau Sadd al-Dharā'i.

Kaedah Kesembilan:

“إِذَا اجْتَمَعَ الْحَلَالُ وَالْحَرَامُ غَلِبَ الْحَرَامُ”

Ertinya: “Apabila berkumpul halal dengan haram dikira haram”.

Di antara contoh hukum yang berdasarkan kepada kaedah ini adalah:

1. Perempuan yang bapanya seorang kafir Kitābī dan ibunya seorang kafir Majūsi.

Diharamkan nikah dengannya dan diharamkan pula sembelihannya mengikut pendapat yang azhar di dalam mazhab Syāfi‘ī.

2. Seekor haiwan yang diperanakkan oleh seekor haiwan yang halal dimakan dan haram dimakan adalah diharamkan untuk dimakan. (76)

Segala perantara kepada yang haram wajib diharamkan, termasuk bercampurnya yang halal dengan yang haram, kerana kalau tidak dicegah akan menimbulkan yang lebih nyata keharamannya. Dari keterangan ini jelaslah bahawa kaedah ini merupakan sebahagian daripada pelaksanaan Sadd al-Dharā‘i.

1.8. Pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam Perundangan Islam.

Dalam perbahasan ini akan didapati bahawa Sadd al-Dharā'i adalah di antara sumber-sumber hukum Islam yang terdapat dalam al-Qur'ān, ḥadīth, ijtihād para sahabat, tabi'in dan para pengikut tabi'in dalam menentukan suatu hukum.

Agar lebih mudah difahami, perbahasan ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian menurut perbahasan tertentu, iaitu:

1. Pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam al-Qur'ān.
2. Pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam ḥadīth.
3. Pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam ijtihād para sahabat dan tabi'in.
4. Pemakaian Sadd al-Dharā'i di kalangan para pengikut-pengikut tabi'in.

1.8.1. Pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam al-Qur'an.

Segala perkara dan yang membawa kepada kerosakan adalah haram dan mesti dicegah. Maka untuk memelihara agama daripada kerosakan, Allah s.w.t dalam al-Qur'an telah mengharamkan kekufuran, syirik dan nifaq. Oleh itu, Allah s.w.t mewajibkan ummat Islam berjihad untuk mengeluarkan manusia daripada kekufuran.

Untuk memelihara nyawa, membunuh dan mendedahkan diri kepada maut diharamkan. Barangsiapa yang membunuh seseorang, dikenakan ke atasnya hukum qisas dan ke atas orang yang menganiaya hukum diyat.

Untuk memelihara akal fikiran, Allah s.w.t mengharamkan arak dan mengenakan hukum hudud ke atas orang yang meminumnya.

Untuk memelihara keturunan, Allah s.w.t mengharamkan zina dan kerahiban serta mengenakan hukum hudud ke atas orang yang melakukan zina.

Dan untuk memelihara harta-benda, Allah s.w.t mengharamkan penganiayaan terhadap harta-benda manusia, seperti memakannya dengan cara batil, mencuri dan merompak harta orang lain.(77)

Allah s.w.t telah memakai Sadd al-Dhara'i dalam mengharamkan perkara-perkara tersebut, di antaranya adalah:

Pertama: Allah s.w.t mengharamkan kekufuran dan segala yang menjadi sebab dan perantara yang boleh membawa kepada kekufuran, seperti mentaati perintah syaitan dan pengikut-pengikutnya, mentaati orang-orang kafir dan penyokong-penyokong mereka dan melakukan perbuatan maksiat.

Banyak firman Allah s.w.t yang melarang manusia daripada mengikuti perintah syaitan. Di antaranya adalah:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ إِنَّمَا يَأْمُرُكُمْ بِالسُّوءِ وَالْفَحْشَاءِ وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ .

Ertinya:

"Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik daripada apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan, karena sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu, sesungguhnya syaitan itu hanya menyuruh kamu berbuat jahat dan keji, dan mengatakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui. (78)

Di sini jelaslah bahawa Allah s.w.t melarang ummat Islam daripada mengikuti perintah-perintah syaitan.

Firman Allah s.w.t:

وَمَنْ يَتَّخِذِ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ
خَسِرَانًا مُبِينًا يَعِدُهُمْ وَيُمْنِيهِمْ وَمَا يَعِدُهُمُ الشَّيْطَانُ
إِلَّا غُرُورًا.

Ertinya:

Barangsiapa yang menjadikan syaitan sebagai pelindung selain Allah, maka sesungguhnya ia menderita kerugian yang nyata. Syaitan itu memberikan janji-janji kepada mereka dan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka, padahal syaitan itu tidak menjanjikan kepada mereka selain daripada tipuan belaka.(79)

Dari keterangan di atas jelaslah bahawa Allah s.w.t melarang umat Islam menjadikan syaitan sebagai pelindung selain Allah, kerana boleh membawa kepada kekufuran.

Di antara ayat-ayat al-Qur'an yang melarang umat Islam menjadikan orang-orang kafir dan penyokong-penyokong mereka, seperti ahli kitab dan orang-orang munafik sebagai pemimpin adalah:

1) Firman Allah s.w.t:

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ

Ertinya:

Janganlah orang-orang mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi wali(80)
dengan meninggalkan orang-orang mukmin.(81)

2) Firman Allah s.w.t:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَكُمْ هُزُوءًا
وَلَعِبًا مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَالْكَفَّارَ
أَوْلِيَاءَ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ .

Ertinya

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil jadi pemimpinmu,
orang-orang yang membuat agamamu jadi buah ejekan dan permainan, (yaitu) di
antara orang-orang yang telah diberi kitab sebelummu, dan orang-orang yang kafir
(orang-orang musyrik). Dan bertakwalah kepada Allah jika kamu betul-betul orang
yang beriman.(82)

Sebab dilarangnya perkara tersebut diterangkan dalam firmanNya:

وَرَدُّوا لِمَا كَفَرُوا وَكَانُوا مُتَكَبِّرِينَ
سَوَاءٌ فَلَا تَتَّخِذُوا مِنْهُمْ أَوْلِيَاءَ .

Ertinya:

Mereka ingin supaya kamu menjadi kafir sebagaimana mereka telah menjadi
kafir, lalu kamu menjadi sama (dengan mereka). Maka janganlah kamu jadikan di
antara mereka penolong-penolong(mu).(83)

Perbuatan-perbuatan maksiat, sama ada yang besar atau kecil merupakan perantara yang dimiliki syaitan untuk membawa manusia kepada kekufuran, kerana setiap maksiat yang dilakukan walaupun kecil akan membawa kepada kegelapan dan matinya hati dan kemudian menghalang cahaya dan hidayah Allah untuk segera bertaubat.(84)

Maka barangsiapa yang hatinya telah mati, sangat mudah bagi syaitan untuk mempengaruhinya.

Firman Allah s.w.t:

اِسْتَحْذَرُوا الشَّيْطَانَ فَانْهَمِهِمْ ذِكْرُ اللَّهِ اُولَئِكَ
حِزْبُ الشَّيْطَانِ اَلَا اِنَّ حِزْبَ الشَّيْطَانِ هُمُ الْخَاسِرُونَ
Ertinya:

Syaitan telah menguasai mereka lalu menjadikan mereka lupa mengingat Allah, mereka itulah golongan syaitan. Ketahuilah, bahawa sesungguhnya golongan syaitan itulah golongan yang merugi.(85)

Kedua: Allah s.w.t mengharamkan perbuatan zina dan segala perantaranya.

Perbuatan ini tidak boleh berlaku kecuali seorang perempuan memberi peluang kepada laki-laki untuk melakukannya.(86) Oleh itu, Allah s.w.t mengharamkan perzinaan sebagaimana jelas dalam firmanNya:

وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ وَلَا يَقْتُلُونَ النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ
اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَا يَزْنُونَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ يَلْقَ أَثَامًا
يَمْضَاغٌ لَهُ الْعَذَابُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَتُحْلَدُ فِيهِ مِرْمَانًا اِلَّا سَنَابًا.

Ertinya

Dan orang-orang yang tidak menyembah tuhan yang lain beserta Allah dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya) kecuali dengan (alasan) yang benar, dan tidak berzina, barangsiapa yang melakukan yang demikian itu, niscaya dia mendapat (pembalasan) dosa(nya), (yakni) akan dilipat gandakan azab untuknya pada hari kiamat dan dia akan kekal dalam azab itu, dalam keadaan terhina, kecuali orang-orang yang bertaubat.(87)

Dan dalam firman Allah s.w.t, iaitu :

الرَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَةً جَلْدَةٍ وَلَا
تَأْخُذْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ
مِنَ الْمُؤْمِنِينَ

Ertinya :

Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka deralah tiap-tiap orang daripada keduanya seratus kali dera, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah, dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan daripada orang-orang yang beriman.(88)

Allah s.w.t juga mengharamkan segala perantara yang membawa kepada perzinaan.

1) Firman Allah s.w.t:

“وَلَا تَقْرَبُوا الزِّنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا”

Ertinya :

Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah sesuatu perbuatan yang keji. Dan suatu jalan yang buruk.(89)

2) Firman Allah s.w.t :

“قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ بَغَضُوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَكُفُّوا قُرُوجَهُمْ
ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ مِّمَّا يَصْنَعُونَ وَقُلْ
لِلْمُؤْمِنَاتِ بَغَضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَكُفَّنَ قُرُوجَهُنَّ”

Ertinya :

"Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya, yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah mengetahui apa yang mereka perbuat. Katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya."(90)

Ketiga : Permusuhan dan saling benci-membenci adalah di antara perbuatan yang dilarang oleh Allah s.w.t. Oleh itu, segala perantaranya dilarang(91) seperti minum arak, berjudi, berkorban untuk berhala dan mengundi nasib dengan panah.

Firman Allah s.w.t:

إِنَّمَا الْحَرُّ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ
الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ
أَنْ يُوَيِّعَ بَيْنَكُمْ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْحَرِّ وَالْمَيْسِرِ
وَيَصَدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ "

Ertinya :

Sesungguhnya (meminum) arak, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah(92), adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan. Sesungguhnya syaitan bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu lantaran (meminum arak) dan berjudi itu, dan menghalangi kamu daripada mengingat Allah dan sembahyang, maka berhentilah kamu (daripada mengerjakan perbuatan itu).(93)

Keempat : Untuk memelihara solat Jum'at, Allah s.w.t melarang meninggalkannya dan segala perataranya, di antaranya berniaga ketika lafaz azan telah dikumandangkan oleh bilal bagi memulakan ibadah solat Jum'at.(94)

Firman Allah s.w.t :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا
إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ "

Ertinya :

Hai orang-orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan sembahyang pada hari Jum'at, maka bersegeralah kamu kepada mengingat Allah dan tinggalkan jual beli. (95) Yang demikian itu lebih baik bagimu jika kamu mengetahui. (96)

Berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an di atas, nyatalah bahawa Sadd al-Dharā'i adalah di antara kaedah yang telah dipakai di dalam al-Qur'an dalam menentukan suatu hukum.

Dan untuk meringkaskan perbahasan ini, maka contoh-contoh pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam al-Qur'an di atas adalah cukup untuk difahami bahawa kaedah tersebut merupakan salah satu sumber hukum dalam Perundangan Islam.

1.8.2. Pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam Hadith.

Hadith merupakan sumber hukum Islam yang kedua setelah kitab suci al-Qur'an. Dan banyak didapati hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang memakai Sadd al-Dharā'i dalam menentukan sesuatu hukum.

Sebelum kita faham perbahasan ini, lebih dahulu kita fahami dua perkara penting yang ada hubungannya dengan pemakaian kaedah ini, iaitu:.

Pertama: Kalau kita teliti pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam kitab suci al-Qur'ān dan hadith, tidak ada satu ayat atau hadithpun yang menyatakan dengan jelas bahawa kaedah tersebut merupakan salah satu sumber hukum Islam. Namun setelah diteliti, terdapat ayat-ayat suci al-Qur'ān dan ḥadīth-ḥadīth nabi yang memakai kaedah ini dalam menentukan sesuatu hukum. Hal ini boleh difahami daripada tiga kenyataan berikut:

- 1) Ayat-ayat al-Qur'ān dan ḥadīth-ḥadīth tersebut menunjukkan bahawa hukum yang ditentukan adalah dengan memakai Sadd al-Dharā'i.
- 2) Ḥadīth-ḥadīth tersebut menerangkan segala yang terdapat dalam al-Qur'ān yang bersifat global dan rumit atau mentaqyid yang mutlaq (membatasi yang luas) dan mentakhsis yang 'am (mengkhususkan yang umum) serta menjelaskan yang ringkas.
- 3) Ḥadīth-ḥadīth tersebut menunjukkan hukum-hukum yang tidak terdapat dalam al-Qur'an.

Pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam ḥadīth-ḥadīth Rasūlullah saw tidak keluar daripada salah-satu kenyataan-kenyataan di atas.

Kedua: Ḥadīth-ḥadīth yang memakai Sadd al-Dharā'i ini tidak terlepas daripada perbincangan ulama, sama ada dari segi sanad (sandaran) atau wajah istidlālnya (kesimpulan hukum).(97)

Di antara ḥadīth-ḥadīth Rasulullah s.a.w yang menunjukkan pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam menentukan sesuatu hukum adalah sebagai berikut :

Pertama: Pemakaian Sadd al-Dharā'i terhadap hukum riba.

Riba adalah di antara dosa-dosa besar yang dilarang dan diharamkan oleh Allah s.w.t dan Rasul Nya.(98) Segala perantaranya adalah diharamkan. Ini boleh difahami dari ḥadīth-ḥadīth Rasūlullah s.a.w yang menerangkannya:

1) Ḥadīth Rasulullah s.a.w :

عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
أَكِلَ الرِّبَا وَمُوكِلَهُ وَشَاهِدِيهِ وَقَالَ: لَهُمْ سَوَاءٌ.

Ertinya :

Daripada Jabir r.a berkata: Rasulullah saw telah melaknat orang yang makan harta riba, orang yang memberi makan dengan harta riba, orang yang menulis perbuatan riba dan kedua orang saksinya, Dan beliau bersabda: Mereka semua adalah sama.(99)

Hadith ini menjelaskan bahawa orang yang menjadi perantara bagi wujudnya riba adalah sama dengan yang melakukannya dan mereka semua mendapatkan laknat.

2) Larangan Rasulullah s.a.w untuk melakukan "Bai'ul 'Inah".(100) Oleh itu, beliau bersabda:

”إِذَا بَايَعْتُمْ بِالْعِيْنَةِ وَأَخَذْتُمْ أَزْنَابَ الْبَقَرِ وَرَضِيتُمْ بِالزَّرْعِ
وَتَرَكْتُمُ الْجِهَادَ سَلَّطَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ ذُلًّا لَا يَنْزِعُهُ
حَتَّى تَرْجِعُوا إِلَى دِينِكُمْ.”

Ertinya :

Apabila kamu sekalian berjual beli dengan cara 'inah dan mengikuti di belakang ekor lembu (sibuk dengan membajak sawah) dan rela dengan berladang dan meninggalkan jihad, maka Allah akan menjadikan kamu sebagai orang yang hina yang tidak akan dicabutnya sehingga kamu kembali kepada agama kamu.(101)

Hadith ini menjelaskan bahawa bai'ul 'Inah dilarang dan diharamkan, kerana ianya salah satu perantara yang membawa kepada riba.

Kedua: Pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam setiap perkara yang pada asalnya adalah harus, tetapi oleh kerana ianya membawa kepada yang haram, maka dilarang:

1) Hadith Rasulullah s.a.w :

”عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخَدْرِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
نَهَى عَنْ صَوْمِ يَوْمَيْنِ يَوْمِ الْفِطْرِ وَيَوْمِ الْحَبْرِ.”

Ertinya :

Daripada Abu Said al-Khudri: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah melarang daripada berpuasa dalam dua hari, iaitu hari raya Aidul Fitri dan hari raya Aidul Adha(102)

2) Hadith Rasulullah s.a.w

إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَرَّمَ أَنْ تَسَافِرَ الْمَرْأَةُ مَعَ غَيْرِ ذِي رَحِمٍ حَرَمٍ .

Ertinya :

Sesungguhnya Rasulullah saw telah melarang perempuan untuk berjalan dengan orang laki-laki yang bukan mahramnya.(103)

3) Hadith Rasulullah s.a.w yang melarang menikahi seorang perempuan ^{dan} emak saudaranya dalam satu masa, kerana membawa kepada putusny silaturahim.

Sabda Rasulullah s.a.w:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْجَمْعِ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَخَالَتِهَا أَوْ خَالَتِهَا وَقَالَ : إِنْ فَعَلْتُمْ ذَلِكَ قَطَعْتُمْ أَرْحَامَكُمْ .

Ertinya :

Daripada Ibnu Abbas r.a berkata: Rasulullah s.a.w telah melarang untuk mengumpulkan antara seorang perempuan dengan bibinya (emak saudaranya). Dan beliau bersabda: Sesungguhnya jika kamu lakukan perbuatan tersebut, bererti kamu telah memutuskan tali silaturahim kamu.(104)

- 4) Hadith Rasulullah s.a.w yang melarang orang yang memberikan hutang daripada menerima hadiah yang diberikan oleh orang yang berhutang kepadanya.

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِذَا أَقْرَضَ أَحَدُكُمْ قَرْضًا فَأَهْدَى لَهُ أَوْ حَمَلَهُ عَلَى الدَّابَّةِ فَلَا يَرْكَبُهَا وَلَا يَقْبِلُهَا إِلَّا أَنْ يَكُونَ جَرَى بَيْنَهُ وَبَيْنَهُ قَبْلَ ذَلِكَ .“

Ertinya :

Daripada Anas r.a berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w: Apabila salah seorang di antaramu telah memberikan hutang, kemudian ia diberi hadiah atau (diminta) untuk menaiki kendaraan (orang yang berhutang), maka janganlah ia naik dan jangan pula menerimanya kecuali perkara tersebut berlaku sebelum hutang piutang tersebut.(105)

- 5) Dilarang melihat dan membanding kepada orang yang keduniaannya lebih baik, sama ada harta, pakaian atau bentuk kejadiannya, kerana boleh membawa kepada tidak mensyukuri nikmat yang telah diberikan Allah s.w.t.(106)

Sabda Rasulullah s.a.w:

"إِذَا نَظَرَ أَحَدُكُمْ إِلَى مَنْ فَضَّلَ عَلَيْهِ فِي الْمَالِ وَالْخَلْقِ فَلْيَنْتَظِرْ إِلَى مَنْ هُوَ أَسْفَلَ مِنْهُ مِمَّنْ فَضَّلَ عَلَيْهِ."

Ertinya :

Apabila salah seorang di antara kamu melihat kepada orang yang diberi keutamaan dalam harta dan bentuk kejadian, maka lihatlah kepada orang yang lebih rendah daripadanya. (107)

Berdasarkan ḥadīth-hadīth tersebut, nyatalah bahawa pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam perkara-perkara tersebut merupakan di antara sumber hukum Islam.

Ketiga: Pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam meninggalkan perkara-perkara syubhat.

Perkara syubhat merupakan sesuatu yang tidak boleh dipastikan sama ada ia halal atau haram. Kalau tidak dihindari kadang-kadang boleh membawa kepada yang haram. Bahkan Rasulullah s.a.w telah bersabda :

"دَعْ مَا يَرِيبُكَ إِلَى مَا لَا يَرِيبُكَ"

Ertinya ;

"Tinggalkan sesuatu yang meragukan kamu menuju kepada sesuatu yang tidak meragukan kamu". (108)

Di antara *ḥadīth-ḥadīth* yang menguatkan maksud *ḥadīth* tersebut adalah:

- 1) Rasulullah s.a.w telah melarang semua hakim atau pemimpin dan semua yang mempunyai jawatan yang seperti keduanya untuk menerima sebarang hadiah, kerana hal tersebut salah satu perantara yang boleh membawa kepada kerosakan, iaitu hilangnya keadilan, terjejasnya hak-hak orang yang lemah serta perkara-perkara lain yang tidak diridoi oleh Allah swt.(109)

Oleh itu, Rasulullah s.a.w bersabda:

“وَالَّذِي نَفْسِي فِيمَا بِيَدِهِ ، لَا يَأْتِي أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنْهَا شَيْئًا إِلَّا جَاءَ بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تَحْمِلُهُ عَلَى عُنُقِهِ بَعِيرٌ لَهُ رِجَاءٌ أَوْ بَقَرَةٌ لَهَا خَوَارٌ أَوْ شَاةٌ تَغْرُ ثُمَّ رَوْحٌ يَدِيهِ حَتَّى رَأْيَا حُفْرَتَيْ إِبْطَيْهِ ، ثُمَّ قَالَ : اللَّهُمَّ هَلْ بَلَغَتْ مَرَّتَيْنِ ”

Ertinya:

Demi tuhan, tidak dibenarkan setiap orang daripada kamu (hakim, pemimpin dan orang yang mempunyai jawatan seperti keduanya) menerima hadiah apapun, kalau ia menerimanya, maka ia membawa hadiah itu pada hari kiamat dan di atas lehernya terdapat unta, lembu atau kambing yang semuanya bersuara, kemudian ia mengangkat kedua tangannya sehingga nampak warna ketiakanya, lalu Rasulullah berkata: Ya Allah, Tidakkah sudah aku sampaikan?(110)

- 2) Orang yang membunuh pewaris, tidak sedikitpun mendapatkan pesaka daripadanya, kerana kalau ia masih tetap mendapatkan pesaka, maka hal tersebut boleh menjadi perantara bagi terjadinya pembunuhan.(111)

Rasulullah s.a.w bersabda:

“الْقَاتِلُ لَا يَرِثُ”

Ertinya: "Orang yang membunuh (pewarisnya) tidak mewarisi".(112)

- 3) Rasulullah s.a.w melarang keluar daripada masjid setelah azan, kecuali setelah mendirikan solat, kerana boleh menjadi perantara ianya tidak mendirikan solat.(113)

Oleh itu, Rasulullah s.a.w bersabda:

“إِذَا كُنْتُمْ فِي الْمَسْجِدِ فَتَوَارَى لِلصَّلَاةِ فَلَا تَخْرُجُوا أَحَدَكُمْ حَتَّى يَصَلِّيَ”

Ertinya:

"Apabila kamu berada dalam masjid, kemudian dikumandangkan azan untuk solat, maka tidak boleh keluar sehingga mendirikan solat".(114)

Daripada keterangan tersebut nyatalah bahawa Rasulullah s.a.w memakai Sadd al-Dhara'i dalam mengeluarkan hukum terhadap perkara-perkara yang boleh menimbulkan keraguan (syubhat).

Keempat: Pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam sesuatu yang boleh membawa kepada permusuhan di antara ummat Islam.

- 1) Hadith Rasulullah s.a.w yang melarang untuk berbisik berdua sahaja tanpa turut serta kawan ketiga yang ada bersama, kerana boleh menjadi perantara kawan ketiga tersebut sedih, sakit hati bahkan menyangka buruk kepada yang dibisikkan.(115)

Rasulullah saw bersabda :

“إِذَا كُنْتُمْ ثَلَاثَةً فَلَا يَتَنَجَّى اشْنَانِ دُونَ الْآخِرِ حَتَّى
تَخْتَلِطُوا بِالنَّاسِ مِنْ أَجْلِ أَنْ
ذَلِكَ يُخْرِجُهُ”

Ertinya

Apabila kamu sedang bertiga, jangan berbisik berdua sahaja tanpa turut sertanya kawannya yang ketiga, kecuali jika kamu sedang berada di tengah-tengah orang ramai, kerana perbuatan yang demikian itu sangat mengharukan hatinya.(116)

- 2) Larangan Rasulullah s.a.w terhadap orang Islam meminang perempuan yang sudah dipinang oleh orang lain yang seagama, kerana boleh membawa kepada permusuhan dan saling benci-membenci di antara umat Islam.(117)

Rasulullah s.a.w bersabda:

“لَا خُطْبَ أَحَدُكُمْ عَلَى خُطْبَةِ أُخِيهِ حَتَّى يَشْرَكَ
الْمُخَاطَبَ قَبْلَهُ أَوْ يَأْذَنَ لَهُ”

Ertinya :

Janganlah kamu meminang (perempuan) yang sedang dipinang oleh saudaramu, kecuali bila sudah dilepaskan oleh peminang yang terdahulu itu atau diberinya izin.(118)

Daripada *ḥadīth-ḥadīth* tersebut, nyatalah *Sadd al-Dharā'i* merupakan di antara kaedah yang telah dipakai oleh Rasulullah saw dalam menentukan sesuatu hukum.

1.8.3. Pemakaian *Sadd al-Dharā'i* dalam *ijtihād* para sahabat dan *ṭabiin*.

Zaman sahabat bermula daripada tarikh Rasulullah s.a.w wafat pada tahun 11 Hijriah dan berakhir pada penghujung abad yang pertama Hijriah. Masanya selama kira-kira 90 tahun. Zaman ini dipanggil "Zaman Sahabat," ialah kerana kuasa perundang-undangan pada waktu itu berada di dalam tangan para Sahabat Rasulullah s.a.w. yang terkemuka(119) Dan pada zaman ini pulalah lahirnya para *ṭabiin*, kerana mulai daripada awal abad kedua Hijriah hingga pertengahan abad ketiga Hijriah merupakan peringkat pengikut-pengikut *ṭabiin*.(120)

Pada zaman ini, mula terbukanya pintu *ijtihād* atau usaha-usaha mengistihbat hukum di dalam sesuatu yang tidak ada nas hukumnya pada *al-Qur'ān* atau *Sunnah* Rasul.

Ijtihād sahabat sebenarnya merangkumi erti yang luas, mereka meneliti dan mengkaji tentang kehujahan nas-nas, kemudian membuat Qiyas, Istihsan, Sadd al-Dhara'i dan sebagainya, tetapi mereka menggelarkan perkataan "pandangan" (رَأْيٌ) kepada pendapat yang diperolehi setelah dikaji dan diselidiki dengan teliti untuk mengetahui jalan kebenaran terhadap perkara-perkara yang ada tentang tanda-tanda hukum.(121)

Banyak contoh-contoh hukum yang telah ditetapkan oleh para sahabat Rasulullah s.a.w dan tabiin dengan memakai Sadd al-Dhara'i. Pemakaian mereka terhadap kaedah ini bolah difahami daripada dua bahagian:

Pertama: Berdasarkan kepada pendapat atau pandangan dalam sesuatu peristiwa yang tidak ada nas, sama ada daripada al-Qur'an atau hadith. Seperti perkataan Umar bin Khattab kepada Syuraih tatkala beliau mengutusnyanya untuk menjadi pemimpin

Kufah :

”انظروا ما يتبين لك في كتاب الله ، فلا تسأل عنه أحدا
وما لم يتبين لك في كتاب الله فاتبع فيه سنة
رسول الله صلى الله عليه وسلم وما لم يتبين لك في السنة
فاجتهد فيه رأيك“

Ertinya :

Lihatlah apa yang kamu fahami dalam al-Qur'an dan jangan bertanya tentang perkara tersebut kepada sesiapaupun, dan jika kamu tidak dapati carilah dalam Sunnah Rasulullah saw, dan jika kamu tidak dapati berjihadlah dengan pendapatmu.(122)

Kedua: Amalan para sahabat dan tabiin yang berdasarkan kepada pemakaian Sadd al-Dharā'i dalam menentukan suatu hukum yang banyak terjadi.

Hal ini dapat difahami daripada beberapa contoh berikut ini:

1. Permuwafakatan para sahabat untuk mengumpulkan ayat-ayat suci al-Qur'ān dalam satu mushaf agar tidak terjadi perselisihan pendapat tentang ayat-ayat tersebut.(123) Peristiwa ini berlaku pada masa khalifah Abū Bakar r.a(124) dan khalifah Uthmān bin 'Affān r.a(125)
2. Para sahabat r.a tidak menggalakkan penulisan hadith-hadith Rasulullah saw, sedangkan ia menjelaskan maksud ayat-ayat suci al-Qur'ān, kerana dikhuatirkan terjadi percampuran dengan selain hadith.(126) Namun setelah hilangnya kekhuatiran tersebut, maka para sahabat dan tabiin bermuwafakat untuk menulisnya, kerana dikhuatirkan akan hilangnya hadith-hadith sebab sedikitnya para mujtahid yang boleh mengingat atau menghafal semula hadith-hadith tersebut dan ini boleh menghilangkan sebahagian besar ajaran agama Islam.(127)

3. Umar bin Khattāb r.a melarang sahabat menikahi perempuan-perempuan ahli kitab, kerana dikhuatiri kesan keburukan perangnya. Biasanya perempuan-perempuan ahli kitab menjadikan pelacuran sebagai mata pencarian mereka. Hal ini boleh membawa fitnah dan bencana ke atas orang Islam.(128)
4. Uthmān bin 'Affān r.a pernah mengerjakan solat dengan sempurna tanpa melakukan qasar, kerana beliau khuatir solat qasar tersebut akan dianggap fardu dan wajib oleh sebahagian ummat Islam sebagaimana terjadi pada seorang Arab Badui yang bertanya kepada beliau ketika melakukan ibadah haji di masjid Khif Mina.(129)
5. Umar bin Khattāb ra dan para sahabat lainnya telah bermuwafakat untuk tidak membahagikan ganimah yang berupa tanah kepada mereka yang turut berperang, kerana boleh menjadi perantara kepada kerosakan, iaitu tidak adanya tanah yang boleh diambil manfaatnya bagi pemerintahan Islam untuk membiayai segala keperluan negara, seperti mempersiapkan senjata bagi para tentara untuk menghadapi para pemberontak.(130)

6. Sebahagian para tabi'in tidak menggalakkan puasa sunat enam hari daripada bulan Syawal, kerana mereka takut akan terjerumus ke dalam perkara bid'ah dan juga kluatir akan tuduhan orang-orang jahil, bahawa para cerdik pandai melakukan perkara bid'ah tersebut.(131) Di antara yang menganggap makruh (menurut Imam Malik) adalah: Guru besar Imam Malik, iaitu Ibnu Harmuz yang meninggalkan puasa tersebut selama tujuh tahun, Nafi' hamba abdi Ibnu Umar, iaitu guru Imam Malik dalam bidang fiqh Ibnu Umar, Ibnu Syihab al-Zuhri guru Imam Malik dalam bidang Ilmu Hadith.(132)
7. Para sahabat r.a telah melarang Abū Bakar Ṣiddīq r.a bekerja dan mencari nafkah bagi keluarga dan anak-anak beliau, kerana boleh menjejaskan tugasnya sebagai khalifah. Oleh itu, beliau diberi bahagian daripada harta baitul maal.(133)
8. 'Uthmān bin 'Affān r.a pada masa akhir khilāfahnya mengakhirkkan solat Aidil Fitri dan mendahulukan khutbahnya. Ini kerana dua alasan :

Pertama: Agar ummat Islam yang mengerjakan solat tersebut tidak tertinggal.(134)

Kedua : Agar ummat Islam yang hadir pada waktu itu tidak meninggalkan tempat mereka sebelum selesai khutbah. Alasan inilah yang paling sesuai, kerana apa yang berlaku pada waktu kita sekarang adalah peristiwa yang kedua ini.(135)

Zāhiri dan Ibnu Jarir. Di antara mazhab yang tersebut ada yang masih kekal hingga sekarang, dan ada yang telah hilang, pendeknya bolehlah dikatakan kegiatan dan kemajuan ilmu pengetahuan tersebar di segenap negeri-negeri Islam.(137) Dan di zaman ini pula ini munculnya seorang ulama yang cukup dikenal, iaitu Ibnu Abi Laila.(138)

Di antara sumber hukum yang dipakai oleh mereka dalam menetapkan sesuatu hukum adalah Sadd al-Dharā'i. Hal ini cukup jelas daripada beberapa pendapat mereka dalam menentukan sesuatu hukum. Di antaranya adalah:

1. Pendapat al-Auzāie:

a. Kesaksian orang yang menjadi pegawai (al-ajir) bagi orang yang menggajinya sama sekali tidak dapat diterima(139), kerana dikhuatirkan akan timbul orang yang mahu menjadi saksi kerana diberi upah.(140)

b. Nikah seseorang yang berniat untuk menceraikan isterinya setelah satu bulan umpamanya, merupakan nikah yang batil dan tidak sah, kerana menyerupai nikah mut'ah yang diharamkan. (141)

2. Pendapat Sufyān al-Thauri:

a. Kesaksian seorang musuh ke atas musuhnya sama sekali tidak diterima, kerana boleh menjadi perantara bagi sebahagian orang untuk menganiaya musuhnya, sama ada nyawa atau hartanya.(142)

- b. Orang yang dalam keadaan darurat yang berada di tanah haram dibenarkan untuk memakan daging babi atau bangkai dan tidak dibenarkan memakan daging hasil buruan, kerana dikhuatirkan akan menjadi alasan bahawa dia dalam keadaan darurat'.(143)

3. Pendapat al -Laith:

Pakaian perhiasan emas dan perak wajib dikeluarkan zakat, kalau diniatkan untuk menghindari zakat,(144) kerana dikhuatirkan orang akan menggugurkan kewajipan zakat dengan cara menyimpannya dalam bentuk pakaian perhiasan.(145)

4.Pendapat Ibnu Abi Laila:

Seorang isteri yang diceraikan oleh suaminya pada waktu sakit yang membawa kepada kematian adalah tetap berhak mendapatkan pesaka daripada harta bekas suaminya, kerana dikhuatirkan suaminya sengaja menghalangi isterinya daripada mendapatkan pesaka.(146)

Daripada perbahasan di atas dapatlah disimpulkan:

1. Sadd al-Dhara'i merupakan salah satu sumber hukum dalam Perundangan Islam yang dipakai untuk menentukan sesuatu hukum, sama ada dalam kitab suci al-Qur'an, hadith Rasulullah saw, ijtihad para sahabat dan tabiin serta pendapat para pengikut-pengikut tabiin.

2. Dalam sejarah Perundangan Islam telah dicatat, bahawa Sadd al -Dharā'i merupakan salah satu sumber hukum dalam Perundangan Islam yang telah dipakai dalam menentukan sesuatu hukum.

Rujukan

1. Yahya, H.Mukhtar, Prof. Dr, Fatchur Rahman, Drs, Dasar-Dasar Pembinaan Hukum Fiqh Islami, PT. al-Maarif, Bandung, 1986, Cet: 1 hal: 344.
2. Abū Husain Ahmad bin Fāris bin Zakaria, Mu'jam al-Maqāyis al-Lughah, Beirūt, Dār al-Fikr, Juz: 3, hal: 66. al-Bustāni, Fuād Afram, Munjid at-Tullāb, Beirūt, Dār al-Fikr, Cet: 15, hal: 310. Munawwir, Ahmad Warson, al-Munawwir-Kamus Arab-Indonesia, Yogyakarta, 1984, hal: 660.
3. al-Kahfi, ayat: 93.
4. Ibid, ayat: 94.
5. Yasin, ayat: 9.
6. Ibnu Hajar, Ahmad bin Ali al-Asqalānī, Fath al-Bārī Syarh Sahih al-Bukhārī, Beirūt, Dār al-Ma'rifah, Jilid: 11, hal: 253.
7. Ibid, Jilid: 7, hal: 12.
8. Ibid.
9. Ibnu Manzūr, Abū al-Fadl Jamāluddin Muhammad bin Mukram, Lisān al-Arab, Beirūt, Dār al-Sādir, Jilid: 8, hal: 96. Ahmad bin Muhammad bin Ali al-Fayyūmī, al-Misbāh al-Munir, Beirūt, Maktabah Lubnān, 1987, hal: 79. Munawwir, Ahmad Warson, op.cit., hal: 479.
10. al-Qarāfī, Shihābuddin Abū al-Abbās Ahmad bin Idrīs bin Rahman al-Sonhājī, al-Furūq, Beirūt, Ālam al-Kutub, Juz: 2, hal: 33.
11. Ibnu Qayyim, Syamsuddin Abū Abdillāh Muhammad bin Abī Bakar, Ilām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-Ālamīn, Beirūt, Dār al-Kutub al-Ilmiyah, Juz: 3, hal: 147.
12. al-Burhānī, Muhammad Hishām, Sadd al-Dharā'ī fi al-Syarī'ah al-Islāmiyah, Beirūt, Matba'ah al-Rihān, Cet: Pertama, 1985M-1406H, hal: 69.
13. Abu Zahrah, Muhammad al-Imām, Ibn Hambal, Hayātuhu wa 'Asruhu, Ārāuhu wa Fiqhuhu, Dār al-Fikr al-Arabī, hal: 333.
14. al-Syawkānī, Muhammad bin Ali bin Muhammad, Irsyād al-Fuhūl ila Tahqīq al-Haq min Ilmi al-Uṣūl, Dār al-Fikr, hal: 80.
15. al-Syātibī, Abi Ishāk Ibrahim, al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Syarī'ah, Juz: 4, Cairo, hal: 80.
16. Ibnu Taymiyah, Taqiyyuddin Ahmad bin Abdul Halim, Fatāwā Ibnu Taymiyah, Cet: Kurdistan al-Ilmiyah, 1329H, Juz: 3, hal: 139.
17. Badran Abu al-Ain Badran, Uṣūl Fiqh, Dār al-Ma'ārif, 1986M, hal: 333.
18. Shadiq, H. Shalehuddin Chaeri BA, Kamus Istilah Agama, CV.Sientarama, Jakarta, Cet: Pertama, 1983, hal: 301.
19. Yusuf, Dr. Qāsim, Uṣūl al-Ahkām al-Syar'iyyah, Cairo, Dār al-Nahdah al-Arabiyyah, 1405H-1985M, hal: 177.
20. al-Zuhailī, Dr. Wahbah, al-Wasīt fi Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī, Cet: Kedua, Damsyik, al-Matba'ah al-Ilmiyah, 1969M-1388H, hal: 562-563.
21. ash-Shiddieqy-TM.Hasbi, Prof., Pokok-Pokok Pegangan Imam-Imam Mazhab dalam Membina Hukum, Bulan Bintang, Jakarta, Cet: Pertama, 1973, Jilid: 1, hal: 212.
22. Abū Zahrah, Muhammad al-Imām, op.cit., hal: 328.

23. Hasanain Mahmūd Hasanain, *Maṣādir al-Tasyrī' al-Islāmī al-Adillah al-Mukhtalaf fihā*, Dār al-Qolam, Dubai, UEA, Cet: Pertama, 1407H-1987M, hal: 166.
24. Abbās Mutawalli Hamadan, *Uṣūl al-Fiqh*, Dār al-Nahḍah al-'Arabī, Cet: Kedua, 1388H-1968M, hal: 270-271.
25. al-Burhānī, Muhammad Hishām, op.cit., hal: 118-120.
26. Lihat keterangan ini dalam Pengenalan al-Dhārī'ah dari segi Istilāh.
27. Ali Hasaballah, *Uṣūl al-Tasyrī' al-Islāmī*, Dar al-Maārif, Mesir, Cet: Kelima, 1976M-1396H, hal: 320.
28. al-Burhānī, Muḥammad Hishām, op.cit., hal: 121-122.
29. el-Muhammady, Abdul Halim, *Sumber Undang-Undang Islam dan Pandangan Orientalis*, Budaya Ilmu SDN BHD, Selangor, 1994M, hal: 39.
30. al-Bardīnī, Muḥammad Zakariya, *Uṣūl al-Fiqh*, Dār al-Fikr, Beirut, Cet: Ketiga, 1407H- 1987M hal: 308-311. Masjfuk Zuhdi, Drs, *Pengantar Hukum Syari'ah*, CV.Haji Masagung, Jakarta, Cet:Pertama, 1987M, hal: 83-84.
31. Khallāf, Abdul Wahab, Dr, *Kaidah-Kaidah Hukum Islam*, (Ali bahasa Dr.H. Moch.Tolchah Mansoer, Noer Iskandar al-Barsany, Drs. Andi asy'ari) Penerbit Risalah, Bandung, 1405H1985M, Cet: Kedua, hal: 128-129.
32. Hasanain Mahmūd Hasanain, op.cit., hal: 173-174.
33. *Kamus al-Mu'jam al-Wasīṭ*, Dār Ihyā al-Turāth al-'Arabī, cet: Kedua, Juz: 1, hal: 209.
34. Yahya, H. Mukhtar, Prof. .Dr, Fatchur Rahman, Drs, op.cit., hal:352.
35. al-Zuhailly, Wahbah, Dr, op.cit., Juz: 2, hal: 912.
36. al-Burhānī, Muhammad Hishām, op.cit., hal:84.
37. Badrān, Abū al-Ain Badrān, op.cit., hal: 338-339.
38. al-Nūr, ayat: 31.
39. al-An'am, ayat: 108.
40. Lihat pengertian al-Dhārī'ah dari segi bahasa dan istilah dalam kajian ini.
41. al-Burhānī, Muhammad Hishām, op.cit., hal:95-96.
42. *Kamus al-Mu'jam al-Wasīṭ*, op.cit., Juz: 1, hal:411.
43. al-Kahfi, ayat: 84.
44. Ibid, ayat:85.
45. Taqiul Hakim, Muhammad, *al-Uṣūl al-'Ammah li al-Fiqh al-Muqārin*, Daar al-Andalus, hal: 310.
46. al-Bārī, Zakariya, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Dār al-Nahḍah al-'Arabiyah,, 1402H-1982M, hal: 277.
47. Ibid.
48. al-Isra, ayat: 78.
49. Ali Mansūr, Sōleh bin Abdul Azīz, *Uṣūl al-Fiqh wa Ibnu Taymiah*, 1400H-1980M, Cet: Pertama, Juz: 2, hal: 490.
50. Abū Zahrah, Muhmmad al-Imām, *Ibnu Hambal*, op.cit., hal: 328-329. *Uṣūl al-Fiqh*, Dār al-Fikr al-Arabī, hal: 228-229, *Mālik Hayātuhu wa Asruhu, Ārāuhu wa Fiqhuhu*, Dār al-Fikr al-Arabī, hal: 241-243. al-Zuhailly, Wahbah, Dr, op.cit., Juz: 2, hal: 879-883. al-Shiddieqy, T.M Hasbi, op.cit., jilid: 2, hal: 78-79.

51. al-Zarqā, al-Syaikh Ahmad bin al-Syaikh Muhammad, *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyah*, Dār al-Qolam, Damsyiq, 1409H-1989M, Cet: Kedua, hal: 33. Salleh, Hj. Hassan, *al-Qawā'id al-Fiqhiyah (Prinsip-Prinsip Fiqh Islam)*, Pustaka Aman Press SDN BHD, Kelantan, 1979M Cet: Kedua, hal: 34.
52. Hasanain Mahmūd Hasanain, op.cit., hal: 176.
53. Ibnu Qayyim, op.cit., juz: 3, hal: 155.
54. Hasanain Mahmūd Hasanain, op.cit., hal: 177.
55. Salleh, Hj. Hassan, op.cit., hal: 308. al-Burhānī, Muhammad Hishām, op.cit., hal: 697.
56. Ali Hasaballah, op.cit., hal: 318-319.
57. Ibnu Nujaim, Zai'nul Abidin bin Ibrahim, al-Syaikh, *al-Asybah wa al-Nazair*, Muassasah al-Halabi, Kahirah, 1387H-1968M, hal: 90. al-Zarqā, al-Syaikh Ahmad bin al-Syaikh Muhammad, op.cit., hal: 205.
58. Abd al Salām, Izzuddin bin, *Qawā'id al-Ahkām fi Maṣāliḥ al-Anām*, Dār al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut, Juz: 2, hal: 17-18.
59. al-Suyūṭī, Jalāluddin Abdul Rahman bin Abū Bakr, al-Imām, *al-Asybah wa al-Nazair fi al-Furu'*, Dār al-Fikr, hal: 95. Salleh, Hj. Hassan, op.cit., hal: 164.
60. Hasanain Mahmūd Hasanain, op.cit., hal: 185.
61. al-Suyūṭī, Jalāluddin bin Abdul Rahman bin Abū Bakar, op.cit., hal: 96.
62. Hasanain Mahmūd Hasanain, op.cit., hal: 185.
63. Ali Hasaballah, op.cit., hal: 315.
64. Hasanain Mahmūd Hasanain, op.cit., hal: 178-179.
65. Salleh, Hj. Hassan, op.cit., hal: 183. Ibnu Nujaim, op.cit., hal: 158. al-Suyuti, Jalāluddin Abdul Rahman bin Abu Bakar, op.cit., hal: 102. al-Zarqa, al-Syaikh Ahmad bin al-Syaikh Muhammad, op.cit., hal: 214. al-Burhānī, Muhammad Hishām, op.cit., hal: 700.
66. al-Zarqā, al-Syaikh Ahmad bin al-Syaikh Muhammad, op.cit., hal: 214.
67. al-Maidah, ayat: 2.
68. Salleh, Hj. Hassan, op.cit., hal: 184.
69. al-Suyuti, Jalāluddin Abdul Rahman bin Abū Bakar, op.cit., hal: 102. Salleh, Hj. Hassan, op.cit., hal: 182.
70. Hasanain Mahmūd Hasanain, op.cit., hal: 180-181.
71. al-Suyūṭī, Jalāluddin Abdul Rahman bin Abū Bakar, op.cit., hal: 102.
72. Salleh, Hj. Hassan, op.cit., hal: 183.
73. al-Suyūṭī, Jalāluddin Abdul Rahman bin Abū Bakar, op.cit., hal: 103. Ibnu Nujaim, op.cit., hal: 158. al-Burhānī, Muhammad Hishām, op.cit., hal: 699. al-Zarqa, al-Syaikh Ahmad bin al-Syaikh Muhammad, op.cit., hal: 471.
74. al-Suyūṭī, Jalāluddin Abdul Rahman bin Abū Bakar, op.cit., hal: 103. Ibnu Nujaim, op.cit., hal: 158.
75. Salleh, Hj. Hassan, op.cit., hal: 191.
76. al-Suyūṭī, Jalāluddin Abdul Rahman bin Abū Bakar, op.cit., hal: 105-107. al-Burhānī, Muhammad Hishām, op.cit., 699-700. Salleh, Hj. Hassan, op.cit., hal: 124-125.

77. Abdul Rahman, Jalaluddin bin, Dr, al-Masālih al-Mursalāh wa Makānatuhā fi al-Tasyrī', Dār al Kitāb al-Jāmi'i, 1983M-1403H, cet: Pertama, hal: 19-20. al-Buti, Muhammad Said Ramadan, Dawābiḥ al-Maslahah fi al-Syarī'ah al-Islāmiyah, al-Maktabah al-Amawiyah, Damsyiq, 1387H-1967M, hal: 119-120, Husain, Hamid Husain, Nazariyah al-Maslahah fi al-Fiqh al-Islāmi, Maktabah al-Mutanabbi, Kāhirah 1981, hal: 28-24.
78. al-Baqarah, ayat: 168-169.
79. Surat al-Nisā, ayat: 119-120.
80. Wali jamaknya auliyā, bererti teman yang akrab, juga bererti pimpinan, pelindung atau penolong. (al-Qur'ān dan Terjemahannya, Cetakan Kerajaan Saudi Arabia, hal: 80)
81. Ali Imrān, ayat: 28
82. al-Māidah, ayat: 57.
83. al-Nisā, ayat: 89.
84. al-Burhāni Muhammad Hishām, op.cit., hal: 360.
85. al-Mujādalah, ayat 19.
86. al-Zahim, Muhammad bin Abdullah, Dr. Athar Tathbiq al-Syarī'ah al-Islāmiyah fi man'i al-Jarimah, Dar al-Manar, Kahirah. 1412H Cet: Pertama, hal: 15.
87. al-Furqān, ayat: 19.
88. al-Nūr, ayat: 2.
89. al-Isrā, ayat: 32.
90. al-Nūr, ayat: 30-31.
91. Badrān, Badrān Abū al-'Ainain Usūl al-Fiqhi, Dār al-Ma'ārif, 1965, hal: 334, Zaidān Abdul Karīm, Dr, al-Wajīz fi Usūl al-Fiqhi, Muassasah al-Risalah, 1990M, cet: Ketiga, hal: 248.
92. al-Azlam ertinya: anak panah yang belum pakai bulu. Orang Arab Jahiliyah menggunakan anak panah yang belum pakai bulu untuk menentukan apakah mereka akan melakukan sesuatu perbuatan atau tidak. (al-Qur'an dan Terjemahannya, op.cit., hal: 933)
93. al-Māidah, ayat: 71.
94. Badrān, Badrān Abū al-'Ainain, op.cit., hal: 334.
95. Maksudnya: apabila imam telah naik mimbar dan muazzin telah azan di hari Jum'at, maka kaum muslimin wajib bersegera memenuhi panggilan muazzin itu dan meninggalkan semua pekerjaannya. (al-Qur'ān dan Terjemahannya, op.cit., hal: 933).
96. al-Jumu'ah, ayat: 9.
97. al-Burhānī, Muhammad Hishām, op.cit., hal: 401-402.
98. al-Zahabī, Muhammad bin Ahmad bin Uthman, op.cit., hal: 68.
99. al-Nawawi, Muhyiddin Abu Zakariya Yahya bin Syaraf, al-Syāfi'i, Syarh Sohīh Muslim li al-Imam al-Nawawi, Dar al-Qolam, Beirut, Lubnan, Cet: Pertama, Juz: 11, hal: 29, Hadith no: 1597.
100. Bai 'ul 'Inah adalah jual-beli yang menggunakan helah untuk mendapatkan riba. Misalnya seorang yang menjual barang seharga RM 10 kepada seorang pembeli dengan harga hutang. Kemudian sipembeli menjual barang yang sudah diterima itu kepada penjual yang sama dengan harga RM 5 secara tunai. Ini adalah

riba kerana diperolehi tanpa ada imbalan kerja, walaupun kenyataannya diperolehi dengan jalan jual-beli.

101. al-Azdi, Abū Dāud Sulaimān bin al-Asy 'ath, al-Imām, *Sunan Abī Dāud*, Muhammad Ali al-Sayyid, Hams, 1971M-1391H, cet: Pertama, Jilid: 3, hal: 540-541
102. Ibnu Hajar, Syihābuddin, Ahmad bin Ali bin Muhammad, al-Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarh Sohīh al-Bukhārī*, Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyah, Juz: 9, hal: 76, Hadith no:1991. al-Nawawī, Muhyiddin Abū Zakariya bin Syaraf al-Syāfiī, op.cit., Juz: 7, hal: 263, Hadith no: 827.
103. Ibnu Hajar, op.cit., juz: 8, hal: 200-202, Hadith no: 1862.
104. al-Zailā 'ī, Jamāluddin Abū Muhammad bin Yūsuf al-Hanafī, *Nasb al-Rōyah li Ahādith al-Hidāyah*, Dār al-Ma'mūn, Kahirah, 1357 H-1938 M, juz: 3, hal: 170, al-Nawawī, op.cit., Juz: 9, hal: 201, Hadith no: 1408.
105. al-Qozwaini, Abū Abdullah Muhammad bin Zaid, al-Hāfiz, *Sunan Ibnu Mājah*, al-Maktabah al-Ilmiyah, Beirut, Lubnān, Tahqiq: Muhammad Fuād Abdul Bāqi, Juz:2, hal: 813, Hadith no: 2432.
106. Ibnu Qayyim, op.cit., Juz: 3, hal: 164.
107. Ibnu Hajar, op.cit., Juz: 24, hal: 114, Hadith no: 6490.
108. Ibid, Juz: 4, hal: 291,
109. Ibnu Qayyim, op.cit., Juz: 3, hal: 154.
110. al-Nawawī, op.cit., Juz: 12, hal: 461, Hadith no: 1832.
111. Ibnu Qayyim, op.cit., Juz:3, hal: 154-155.
112. al-Tirmidhi, Abū Isa Muhammad bin Isa bin Saurah, *Sunan al-Tirmidhi*, Tahqiq: Abdul Rahman Muhammad Uthmān, Dār al-Fikr, Beirut, 1400 H-1980 M, Juz:3, hal:288, Hadith no: 2192.
113. Ibnu Qayyim, op.cit.,juz: 3, hal:160.
114. al-Qozwaini, op.cit., Juz:1, hal:242, Hadith no: 733.
115. Ibnu Qayyim, op.cit., juz:3, hal:163.
116. al-Nawawī, op.cit., Juz: 14, hal: 418, Hadith no:2184.
117. Ibnu Qayyim, op.cit., Juz: 3,hal:158-159,
118. Ibnu Hajar, op.cit., Juz: 19, hal: 238, Hadith no: 5142. al-Nawawī, op.cit., juz: 9, hal: 210, Hadith no:1414.
119. Abdul Wahab Khallāf, *Rengkasannya Sejarah Perundangan Islam*, Terjemahan Abu Bakar Hamzah, Pustaka Aman Press, Kelantan, cet: Pertama, Tahun: 1971, hal: 52.
120. Salleh, Hassan Hj, *Sejarah Perundangan Islam*, Pustaka Aman Press, Kelantan, cet: kedua, 1979 M, hal: 148.
121. Abdul Wahab Khallāf, op.cit., Salleh Hassan Hj, op.cit., hal: 78.
122. Ibnu Qayyim, op.cit., Juz: 1, hal: 63.
123. Ibid, Juz: 3, hal: 171.
124. Abu Muhammad, Abdullah Muhammad bin Ismail, *Sahīh al-Bukhārī*, Dār al-Fikr, 1401H- 1981M, Juz:6, hal: 98.
125. Ibnu Qayyim, op.cit., Juz: 3, hal: 171.
126. 'Ajjāj, Khātib Dr, *al-Sunnah Qobl al-Tadwīn*, Dār al-Fikir, Beirut, 1383 H- 1963M, Cet. Pertama, hal: 315.
127. al-Syātibī, Abū Ishāk Ibrahim bin Mūsā, *al-Itisām*, al-Maktabah al-Tijariyah, Juz: 1, hal:108.

128. Muhammad Rawwas Qalahji, Mausū'ah Fiqh Umar bin Khattāb, Dār al-Nafāis, Beirut, 1409 H-1989 M, cet: keempat, hal: 837-838, Husain, Hamid Husain, Dr, op.cit., hal: 229, Shalabi, Muhammad Mustafa, as-Syaikh, al-Fiqh al-Islāmī baina al-Mithāliyah wa al-Waqi'iyah, al-Dār al-Jāmi'iyah, 1982 M, hal:188.
129. Syalabi, op.cit., hal: 189.
130. Husain, Hamid Husain, Dr, op.cit., hal:230.
131. al-Syātibi, op.cit, Juz: 2, hal:32.
132. al-Burhānī, Muhammad Hisham. op.cit., hal:571, Abu Zahrah, Muhammad, Malik Hayātuhu-wa 'Asrūhu Arauhu wa Fiqhuhu, Dār Fikr al-'Arabi, hal: 108-110.
133. Husain, Hamid Husain, op.cit., hal:238.
134. al-Nawawi, op.cit., Juz: 6, hal:172.
135. al-Burhānī, Muhammad Hishām, op.cit., hal: 550.
136. Salleh, Hassan Hj, op.cit., 148.
137. Ibid, hal: 153-154.
138. Baltaji, Muhammad, Dr, Manāhij al-Tasyrī' al-Islāmī fi al-Qarni al-Thāni al-Hijrī, Jāmi'ah al-Imām Muhammad bin Saūd al-Islāmiyah, Saudi Arabia, 1397H-1977M, Jilid: Pertama, hal: 256.
139. Ibnu Hazm, Abū Muhammad Ali bin Ahmad bin Said, al-Andalusi, al-Muhalla, Tahqīq: Muhammad Syakir, Matba'ah al-Nahdah, Mesir, 1347 H, Juz:9, hal:419.
140. Baltaji, Muhammad, Dr, op.cit., Juz: Pertama, hal: 471- 472.
141. Ibid.
142. Ibnu Rusyd, Abū Walid Muhammad bin Ahmad al-Qurtubī, Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid, Tahqīq: Muhammad Syākīr, Matba'ah al-Jamāliyah, Mesir, 1329 H, Juz: 2, hal: 68, Baltaji, op.cit., Jilid: Pertama, hal: 500.
143. Ibid, Juz: 1, hal:267.
144. Ibnu Hazm, op.cit., Juz: 6, hal:77.
145. Baltaji, op.cit., Jilid: 2, hal: 551.
146. Ibnu Rusyd, op.cit., Juz: 2, hal:68.